

# SULTAN IDRIS MURSHIDUL ‘AZAM SHAH IBNI RAJA BENDAHARA ALANG ISKANDAR, 1887-1916: MENYINGKAP KEAZAMAN MEMBANGUN SEBUAH NEGERI MELAYU CEMERLANG DAN GEMILANG

Abdullah Zakaria Ghazali\*

## Abstrak

Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah menduduki takhta kerajaan Perak Darul Ridwan pada 1887, sebagai Sultan Perak ke-28. Sepanjang 29 tahun sehingga mangkat pada 24 Januari 1916, baginda banyak membantu mengangkat negeri dan Melayu pada tempoh tersebut. Melalui rujukan sumber primer dan sekunder, makalah ini berhasrat berkongsi maklumat peranan dan sumbangan Sultan Idris dalam pembangunan negeri dan Melayu. Sekali gus sebagai contoh, Raja Melayu tidak ketinggalan dalam membangun negeri dan Melayu dalam pelbagai aspek sosial, ekonomi dan politik. Sumber primer dan sekunder yang dirujuk menjelaskan dan membuktikan Sultan Idris memainkan peranan serta sumbangan memajukan sosial, ekonomi dan politik negeri dan Melayu.

**Kata kunci:** Raja, Membangun Negeri dan Melayu

## Pendahuluan

Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah, putera Raja Bendahara Alang Iskandar (Marhum Teja) lahir di Kampung Kuala Keboi, Kampar, Perak pada 1849. Banyak pengalaman sebelum dipilih dan diangkat sebagai Sultan Perak pada 1887. Baginda terlibat dalam gerakan Melayu pimpinan Sultan Abdullah Muhammad Shah II (1874-1876), dan Sultan Ismail Mu’abidin Riayat Shah (1871-1874) menentang penglibatan British dalam pentadbiran Perak, serta pembunuhan Residen British pertama di Perak, James Wheeler Woodford Birch (J.W.W. Birch)<sup>1</sup> di Pasir Salak pada 2 November 1875. Sultan Idris, bersama empat Raja Melayu lain,

---

\* Penulis, Ph.D (Malaya), DMSM, PCM, ASM, DSM ialah Profesor Emeritus Universiti Malaya, Felo Persatuan Sejarah Malaysia, dan mantan Profesor Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1 James Woodford Wheeler Birch berkhidmat sebagai *midshipman* Tentera Laut Diraja British sebelum bertugas di Jabatan Pesuruhjaya Jalan Raya di Ceylon pada 1846. Pada 1853 hingga 1856, bertugas sebagai *Commissioner of Requests and Police Magistrate*, dan dari 1858 hingga 1862, sebagai Penolong Ejen Kerajaan di beberapa provinsi, sebelum dilantik sebagai Ejen Kerajaan Provinsi Timur pada 1868. Pada 1870, berpindah ke Negeri-negeri Selat memegang jawatan sebagai Setiausaha Kolonial Negeri-negeri Selat, dan pada 1874, dilantik sebagai Residen British pertama di Perak. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1875*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 387.

Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah Selangor (1857-1898), Sultan Ahmad Mu'azzam Shah ibni Wan Ali Pahang (1884-1914), dan Yang di-Pertuan Besar Tuanku Muhammad ibni Yamtuan Antah Negeri Sembilan (1888-1933) menandatangani Perjanjian Persekutuan pada 1895, bersetuju membentuk Persekutuan, dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Apabila muncul resah gelisah dalam kalangan Raja Melayu terhadap Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kerajaan British bersetuju membentuk sebuah majlis pada 1896, diberi nama Durbar yang dianggotai empat Raja Melayu bagi menyuarakan pandangan dan cadangan terhadap dasar serta pelaksanaan pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dalam mesyuarat Durbar ini, Raja Melayu mengemukakan cadangan, bantahan, kerisauan dan keazaman mengenai Tanah air, Melayu, meliputi pelbagai aspek mengenai pentadbiran, pendidikan, agama, sosiobudaya, dan kebajikan. Dalam hal ini Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah seringkali mengambil bahagian menyuarakan cadangan dan pandangan yang mencerminkan keazaman baginda membangun sebuah negeri Melayu, dan sekali gus bangsa Melayu cemerlang dan gemilang.

### **Riwayat Ringkas Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah**

Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah, putera Raja Bendahara Alang Iskandar (Marhum Teja) lahir di Kampung Kuala Keboi, Kampar, Perak pada 1849, cucunda Sultan Abdul Malik Mansur Shah (1806-1825). Baginda adalah menantu Sultan Yusof (regen Perak 1877-1886; Sultan Perak 1886-1887).<sup>2</sup> Walaupun baginda tidak pernah mendapat didikan formal, tetapi ketika ketiba di Kampung Kuala Keboi, mendapat didikan mengaji al-Quran, tulisan jawi, dan agama Islam. Kemudiannya baginda mendapat didikan daripada Lebai Said Minangkabau, Kadi Besar Syed Abdullah Abu Bakar Al-Attas, Sheikh-ul-Islam Sheikh Mohd. Salleh, dan Sheikh Mohd. Tahir Jalaluddin. Selain itu Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah mendapat didikan Bahasa Inggeris daripada pengajar bahasa Inggeris bernama Homes, dan pegawai tadbir Kuala Kangsar D.H. Wise.<sup>3</sup>

Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah banyak pengalaman sebelum dipilih dan dilantik sebagai Sultan Perak pada 1887. Baginda terlibat dalam gerakan Melayu pimpinan Sultan Abdullah Muhammad Shah II (1874-1876), dan Sultan Ismail Mu'abidin Riayat Shah (1871-1874) menentang penglibatan British dalam pentadbiran Perak, serta pembunuhan Residen British pertama di Perak, J.W.W. Birch di Pasir Salak pada 2 November 1875. Sebelum memegang jawatan Raja Bendahara, baginda terlibat dalam kancah politik persaingan Melayu pimpinan Sultan Abdullah dengan Residen British pertama Perak, dan negeri Melayu, J.W.W.Birch.

Pada Januari 1873, Raja Idris (juga dieja Dris atau Raja Dris) bersama Orang Kaya Laksamana Muhammad Amin, Shahbandar Uda Ma'mor mengiringi Raja Muda Abdullah (kemudiannya Sultan Abdullah) ke Pulau Pinang. Ketika berada di Pulau Pinang, Sultan

2 Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, hlm. 39.

3 M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Perak*, edisi kedua, Kuantan: Penerbit Geroda Merah Press, 2016, hlm. 87.

Abdullah memeterai perjanjian dengan Ghee Hin pada 28 Februari 1873. Perjanjian ini adalah langkah Raja Muda Abdullah menghadapi saingan daripada Menteri Larut, Ngah Ibrahim. Antara lain Raja Muda Abdullah menyatakan menyokong Ghee Hin, sanggup memajak lombong di Larut, dan membayar separuh daripada perbelanjaan perang di Larut. Kemudiannya pada 3 April 1873, Raja Muda Abdullah dan rombongan meninggalkan Pulau Pinang.<sup>4</sup>

Pada awal Mei 1875, Raja Idris dititahkan oleh Sultan Abdullah bersama Laksamana Muhammad Amin, Orang Kaya Mat Arshad, Haji Mat Yasin, dan Haji Husin membawa warkah baginda ke Singapura bertemu Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Andrew Clarke.<sup>5</sup> Warkah ini antaranya menyatakan Residen British dikehendaki terlebih dahulu merujuk baginda sebelum membuat sebarang keputusan atau bertindak; tidak boleh campur tangan dalam halehwal agama dan adat; serta tidak boleh mengganggu Orang Besar memungut cukai.<sup>6</sup> Namun begitu apabila Sir William Jervois<sup>7</sup> mengambil alih jawatan Gebenor Negeri-negeri Selat daripada Sir Andrew Clarke pada 8 Mei 1875, keinginan berkuasa bertambah dalam negeri Perak. Jika Sir Andrew Clarke mengarahkan J.W.W. Birch mengambil pelbagai langkah bagi membolehkan British menguruskan pentadbiran Perak, beliau membenarkan J.W.W. Birch memperkenalkan peraturan baru di Perak. Dalam pada itu dalam suratnya bertarikh 22 April 1875, Sir Andrew Clarke mengarahkan Sultan Abdullah mendapatkan nasihat daripada Residen British dalam semua perkara, kecuali mengenai halehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sir Andrew Clarke juga menegah Orang Besar Perak memungut cukai. Segala pungutan cukai hendaklah diuruskan mengikut nasihat Residen British, dan hanya boleh dikutip oleh pegawai yang mendapat kebenaran Residen atau Penolong Residen. Selain itu Sultan Abdullah tidak boleh menjatuhkan hukuman bunuh sebelum perbincaraan, dan tandatangan Residen British.<sup>8</sup> Sir William Jervois pula Residen British mentadbir, dan bukan menasihat. Residen British hendaklah mengawal di atas nama Sultan Abdullah, hasil negeri, semua pelantikan pegawai negeri, polis, dan pembangunan jalan raya Perak. Sir William Jervois juga mencadangkan dibentuk sebuah Majlis Melayu dengan ahli kerjanya, Raja Yusof dan Raja Idris, serta Sultan Abdullah dan Sultan Ismail dibenarkan hadir jika mereka terpilih. Seterusnya pentadbiran Perak diuruskan oleh pegawai bergelar Pesuruhjaya Queen bagi pihak Sultan.<sup>9</sup>

- 
- 4 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1997, hlm. 8.
  - 5 Leftenan General Sir Andrew Clarke, RE, GCMG, CB, lahir pada 1824, mendapat didikan di Royal Military Academy, Woolwich. Beliau memasuki Jurutera Diraja pada 1844, dan berkhidmat dalam perkhidmatan awam di Britain dan Australia sebagai jurutera dan juru ukur. Memegang jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat pada November 1873 hingga Mei 1875. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1875*, hlm. 46.
  - 6 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 45-46. C. Northcote Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, Singapore: University of Malaya Press, 1960, hlm. 203. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 111.
  - 7 Leftenan General Sir William Jervois, RE, GCMG, CB, FRS, dilahirkan pada 1821; mendapat didikan di Royal Military, Woolwich. Beliau ditauliahkan sebagai Jurutera Diraja (*Royal Engineer*) pada 1839. Beliau dilantik sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat pada Mei 1875, memegang jawatan tersebut sehingga Februari 1877. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1875*, hlm. 87.
  - 8 *ECCOPE, 1876*, Sir Andrew Clarke kepada Sultan Abdullah, 22 April 1875. Lihat juga Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 44.
  - 9 C. Northcote Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, hlm. 214.

Pada 21 Julai 1875, Raja Idris hadir dalam mesyuarat di rumah Haji Mat Yasin di Durian Sebatang. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Sultan Abdullah, antara mereka yang hadir: Laksamana Muhammad Amin, Dato' Maharaja Lela Pandak Lam, Dato' Sagor Ngah Kamdin, Dato' Shahbandar Uda Ma'amor, Orang Kaya Mat Arshad, dan Raja Mahkota. Mesyuarat ini memutuskan membunuh J.W.W. Birch melalui racun, jika gagal, main hantu, dan jika gagal juga, bunuh.<sup>10</sup> Pada 24 Julai 1875, Raja Idris dilantik sebagai hakim di Perak, dan sekali gus muncul sebagai Melayu pertama menyandang jawatan tersebut di Perak. Kemudiannya Raja Idris dinaikkan pangkat sebagai Hakim Besar. Namun begitu tauliah pelantikan tersebut hanya tandatangan Sultan Abdullah tanpa cap.<sup>11</sup> Sultan Abdullah memberi alasan cap rosak. Padahal cap tersebut baginda simpan di dalam perahu.<sup>12</sup>

Rancangan membunuh J.W.W. Birch melalui racun gagal. Dengan itu mesyuarat diadakan pada Ogos 1875, di Batak Rabbit untuk melaksanakan rancangan membunuh J.W.W. Birch melalui main hantu. Raja Idris hadir dalam mesyuarat ini bersama Sultan Abdullah, Raja Mahkota, Shahbandar Uda Ma'amor, dan Orang Kaya Mat Arshad. Begitu juga Raja Idris hadir dalam upacara main hantu yang dikendalikan bomoh diraja Raja Kechil Muda yang dibantu anaknya, Raja Ahmad.<sup>13</sup> Selepas upacara bermain hantu, mesyuarat diadakan lagi penghujung Ogos 1875. Dalam mesyuarat ini Raja Idris dan Sultan Abdullah menyatakan akan bersama Dato' Sagor membunuh J.W.W. Birch.<sup>14</sup>

Pada 18 September 1875, Raja Yusof datang menghadap Sultan Abdullah di perahu di Kampung Gajah, memohon baginda mengeluarkan surat tauliah melantiknya sebagai Raja Muda Perak. Permohonan Raja Yusof tidak diperkenankan oleh Sultan Abdullah. Sementara itu Sultan Abdullah murka terhadap Raja Idris kerana menunjukkan sikap ramah kepada Gabenor Negeri-negeri Selat ketika melawat Perak, dan mengancam akan melucutkan jawatan sebagai hakim. Dalam pada itu Raja Idris serta Raja Yusof datang ke Bandar Baru bertemu J.W.W. Birch, dan menandatangani surat pada 19 September 1875, bersetuju menyerahkan pentadbiran Perak kepada gabenor. Seterusnya J.W.W. Birch memberi \$300 kepada Raja Idris, dan \$500 kepada Raja Yusof sebagai elaun seperti yang beliau janjikan.<sup>15</sup> Walaupun begitu Raja Idris masih mengiringi Sultan Abdullah berangkat ke Bandar Baru bertemu J.W.W. Birch pada 24 September 1875.<sup>16</sup>

Pada 29 September 1875, Raja Idris menemani J.W.W. Birch menghadap Sultan Abdullah di Pasir Panjang. Dalam pertemuan ini, J.W.W. Birch mengingatkan Sultan Abdullah menulis surat kepada gabenor seperti yang beliau rangkakan. Sementara itu Raja Idris cuba memujuk Sultan Abdullah menyerahkan pentadbiran Perak kepada gabenor, tetapi tidak berjaya.<sup>17</sup> Pada awal Oktober 1875, Raja Idris menasihatkan Sultan Abdullah menurunkan tandatangan menyerahkan pentadbiran Perak kepada gabenor. Kemudiannya

10 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 67-68.

11 M.A. Mallal, *J.W.W. Birch: Causes of His Assassination*, M.A. Thesis, University of Malaya, Singapore, 1952, hlm. 100.

12 CO 273/87, "List of Witness", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

13 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 77-78.

14 *ECPOAEH, 1876*, hlm. 33.

15 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 92.

16 *ECCOPE, 1876*, hlm. 21.

17 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 95.

Sultan Abdullah mengutuskan Raja Idris, Shahbandar Uda Ma'amor, dan Kulup Mat Ros ke Bandar Baru berjumpa J.W.W. Birch. Dalam perjumpaan ini mereka menyampaikan hasrat Sultan Abdullah; memulangkan hamba baginda yang lari, dan membayar elaun bulanan kepada baginda.<sup>18</sup> Dengan itu J.W.W. Birch menulis dua surat kepada Sultan Abdullah. Pertama kesanggupan membayar elaun \$2,000 sebulan, dan kedua, bersedia memulangkan hamba Sultan Abdullah yang lari.<sup>19</sup>

Seterusnya pada 28 Oktober 1875, Raja Idris hadir mesyuarat pakatan membunuh J.W.W. Birch di Pasir Panjang. Dalam mesyuarat yang bermula pukul 11.00 pagi ini Sultan Abdullah memaklumkan kepada mereka yang hadir, antaranya Raja Idris, Laksamana Muhammad Amin, Shahbandar Uda Ma'amor, Dato' Sagor, Dato' Maharaja Lela, Raja Mahkota, dan Kulup Mat Ros baginda telah menyerahkan kuasa pentadbiran Perak kepada J.W.W. Birch. Dato' Maharaja Lela menyatakan beliau tidak mengiktiraf kuasa yang diberi kepada J.W.W. Birch itu, dan tidak akan membenarkan J.W.W. Birch memijak kaki di Pasir Salak.<sup>20</sup> Kemudiannya pada 28 Oktober 1875 juga Sultan Abdullah mengadakan mesyuarat di rumah Laksamana Muhammad Amin di Durian Sebatang. Mesyuarat ini dihadiri, Raja Idris, Laksamana Muhammad Amin, Shahbandar Uda Ma'amor, Raja Mahkota, Dato' Sagor, dan Orang Kaya Mat Arshad. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Laksamana Muhammad Amin, membunuh J.W.W. Birch ketika beliau datang bertugas di Pasir Salak melekatkan surat pengisytiharan peraturan baru.<sup>21</sup>

J.W.W. Birch tiba di Pasir Salak pada petang 1 November 1875, untuk melekatkan surat pengisytiharan. Beliau bermalam dalam perahunya. Pada keesokan harinya, 2 November 1875, J.W.W. Birch mengarahkan melekatkan surat pengisytiharan. Orang Melayu pimpinan Pandak Indut yang diarahkan oleh Dato' Maharaja Lela<sup>22</sup> datang berkumpul di Pasir Salak. Kemudiannya Pandak Indut, Dato' Sagor, Dato' Maharaja Lela, dan Si Putum merejam lembing ke arah J.W.W. Birch yang sedang mandi, jatuh ke dalam sungai. Apabila J.W.W. Birch timbul, ditikam dengan lembing oleh Si Tuah, dan seterusnya ditetak dua kali oleh Si Putum. J.W.W. Birch dibawa arus sungai.<sup>23</sup> Setelah J.W.W. Birch dibunuh, Raja Idris, Laksamana Muhammad Amin, Shahbandar Uda Ma'amor, dan Raja Mahkota mengiringi Sultan Abdullah bersama 20 perahu singgah di Selat Pulau, Pulau Tiga, dan Lambor untuk mendapat bantuan. Dalam usaha ini, hanya beberapa orang di Lambor bersedia membantu Sultan Abdullah.<sup>24</sup>

Pada 1876, Raja Idris dilantik oleh Sultan Abdullah menghakimi perbicaraan terhadap Si Putum, Ngah Ahmad, dan Si Gondah yang dituduh membunuh Residen British perak J.W.W. Birch, juru bahasa Mat Arshad, pendayung Din, dan Hend Singh, salah seorang pegawai residen pada 2 November 1875 di Pasir Salak. Mahkamah bersidang di Bandar Baru pada 3 dan 4 Mac 1876. Dalam perbicaraan ini Hakim Raja Idris dibantu oleh J.G.

---

18 CO 273/87, "List of Witness", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

19 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 97.

20 CO 273/87, "List of Witness", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

21 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 110.

22 CO 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah [Si Gondah], Bandar Baru, 7 Julai 1876. CO 273/90, "TMMB", kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876.

23 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 135.

24 CO 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.

Davidson,<sup>25</sup> Residen British Selangor, sebagai Penilai, dan J.G. Davidson pula dibantu oleh Frank Swettenham.<sup>26</sup> Perbicaraan yang berlangsung selama dua hari, 3 dan 4 Mac 1876 tersebut mendengar keterangan saksi yang dipanggil memberi keterangan di mahkamah. Kemudiannya mahkamah bersidang semula pada 5 Mac 1876. Dalam sidang ini, Hakim Raja Idris menyatakan keputusan mahkamah; Si Putum, Si Gondah dan Ngah Ahmad didapati bersalah mengaitkan tuduhan, dan dengan itu mahkamah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Namun demikian Hakim Raja Idris menyatakan hukuman gantung hanya dilaksanakan selepas mendapat perkenan sultan. Keputusan mahkamah ini dipanjang kepada Majlis Kerja yang dipengerusi oleh Gabenor Negeri-negeri Selat Sir William Jervois. Mesyuarat berpuas hati dengan bukti tuduhan terhadap Si Putum, dan hukuman gantung sampai mati terhadapnya. Namun begitu Majlis mendapati tidak kukuh bukti menyabitkan Si Gondah dan Ngah Ahmad terhadap tuduhan berkaitan. Dengan itu Majlis memutuskan Gabenor Negeri-negeri Selat Sir William Jervois menghubungi Timbalan Pesuruhjaya Perak menasihati Sultan Abdullah menggugurkan hukuman gantung sampai mati terhadap Si Gondah serta Ngah Ahmad, dan dipinda kepada hukuman penjara seumur hidup.<sup>27</sup> Hukuman gantung sampai mati dilaksanakan terhadap Si Putum di Bandar Baru pada 20 Mei 1875.<sup>28</sup>

Dalam perkembangan seterusnya, Raja Idris dipanggil ke Singapura kerana disyaki terlibat dalam pakatan membunuh J.W.W. Birch. Pada 4 September 1876, Raja Idris tiba dengan kapal *Pluto* di Singapura. Sebelum itu, Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Muhammad Amin, Shahbandar Uda Ma'amor, dan Raja Mahkota sudah pun berada di Singapura di atas perintah Gabenor Negeri-negeri Selat Sir William Jervois. Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Muhammad Amin, dan Shahbandar Uda Ma'amor diputuskan bersalah dalam pakatan dan membunuh J.W.W. Birch oleh sebuah Majlis yang dipengerusi oleh Gabenor Negeri-negeri Selat Sir William Jervois, dan dihukum buang negeri ke Pulau Seychelles. Sementara itu Raja Idris dan Raja Mahkota dibenarkan

- 
- 25 James Guthrie Davidson lahir pada 1838, datang ke Singapura pada 1861 sebagai pengamal undang-undang. Beliau ialah anak saudara James Guthrie, syarikat perniagaan Singapura, Guthrie & Co. Beliau menjadi penasihat undang-undang, dan penyokong kewangan Tunku Dhiuddin (atau Tunku Kudin), Wakil Mutlak Sultan Abdul Samad Selangor. Pada 1875, dilantik sebagai Residen British pertama di Selangor. Pada 1876, dilantik sebagai Residen British Perak, tetapi meletak jawatan pada Februari 1877. Beliau kembali sebagai pengamal undang-undang di Singapura. J.G. Davidson meninggal dunia di Singapura pada 1891. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1875*, hlm. 387-388.
- 26 Sir Frank Swettenham, GCMG (1909), KCMG (1897), CMG (1886), lahir pada 1851; dilantik sebagai kadet Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Selat (*Straits Settlements Civil Service*) pada 1870. Lulus peperiksaan bahasa Melayu pada 1872, dan mengiringi gabenor sebagai penterjemah ke pantai timur, Johor, dan Kedah. Pada 1873, bertugas sebagai pemungut hasil tanah Pulau Pinang dan seberang Perai (Province Wellesley, dan pada Mei 1874, dilantik sebagai Majistret dan Pesuruhjaya *Court of Request* Pulau Pinang. Pada Disember 1875, Frank Swettenham dilantik sebagai Penolong Residen British Selangor; 1876, sebagai Penolong Setiausaha Kolonial Negeri-negeri Melayu; 1881, Penolong Setiausaha Kolonial; 1882, Residen British Selangor; 1884-1886, Residen British Perak; 1896, Residen General Negeri-negeri Melayu Bersekutu; 1901, Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Neger-negeri Melayu. Bersara pada 1904, dan meninggal dunia pada 1946. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1875*, hlm. 390-391.
- 27 *Further Correspondence relating to the Affairs of Certain Natives States in Malay Peninsula in the Neighbourhood of the Straits Settlements*, 1875, No. 50, Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 23 Mac 1876. C. Northcote Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, hlm. 299.
- 28 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 202. CO 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 27 Mei 1876, mencatatkan hukuman gantung dilaksanakan pada 27 Mei 1876.

pulang ke Perak, dan berkelakuan baik. Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Muhammad Amin, dan Shahbandar Uda Ma'amor berangkat dengan kapal *Cartheston*, pada 20 Julai 1877, dan pada 30 Ogos 1877, di Pulau Seychelles.<sup>29</sup>

Setelah kembali di Perak, Raja Idris memihak kepada Raja Muda Yusof, dan berkerjasama dengan British. Dalam perkembangan seterusnya, pada 1877, Raja Muda Yusof diangkat sebagai Pemangku Raja. Raja Idris pula diangkat sebagai Raja Bendahara. Pada 1877, Sir Hugh Low<sup>30</sup> dilantik sebagai Residen British Perak menggantikan J.G. Davidson yang dilantik sebagai Residen British Perak pada 1876, dan meletakkan jawatan pada Februari 1877. Ketika Sir Hugh Low sebagai Residen British, Majlis Mesyuarat Negeri dibentuk. Anggotanya adalah tokoh utama dalam negeri Perak, dan badan ini sebagai perujuk dan penasihat hالهالw berkaitan pentadbiran Perak.<sup>31</sup> Raja Idris adalah salah seorang anggota Majlis ini. Selain itu anggotanya: Regen (sebagai Presiden), Residen British, Penolong Residen British, Raja Idris, Orang Kaya-kaya Temenggung, Dato' Raja Mahkota, Kadi, Kapten Ah Kwee dan Kapten Ah Yam, Dato' Panglima Besar, dan Kadi.<sup>32</sup>

Sepanjang persidangan Majlis Mesyuarat Negeri dari 1877 hingga 1882, Raja Idris menyumbang pelbagai pandangan dan pendapat untuk kepentingan rakyat dan negeri Perak. Penglibatan Raja Idris dalam mesyuarat Majlis Negeri mencerminkan kematangan, kebijaksanaan dan kearifan dalam dalam butiran, serta hujahannya. Dalam mesyuarat Majlis Negeri 4 Mei 1878, Raja Idris memberi pandangan bernas terhadap tuntutan wang \$190,000 Cina, termasuk Kapten Ah Yam terhadap perbelanjaan yang diminta Raja Muda Abdullah ketika kacau bilau Larut, dan melalui persetujuan akan membayar balik daripada hasil Larut. Dalam penjelasan tersebut, Raja Idris menyatakan persetujuan yang dimeterai adalah ketika perang saudara. Dalam pada itu sama ada Sultan atau Raja Muda tidak mendapat penuh pengiktirafan; Cina pula bergaduh antara mereka, dan persetujuan di antara Raja Abdullah dengan Cina adalah salah. Seterusnya Raja Idris menyatakan, jika Sultan mendapat pengiktirafan penuh, persetujuan tersebut tidak mengikat negeri, kecuali persetujuan tersebut mendapat persetujuan Orang Besar Negeri. Dengan itu Raja Idris menyatakan tidak ada kes untuk melakukan siasatan terhadap tuntutan tersebut. Sebelum ini, ahli Majlis, Kapten Ah Yam, Kapten Ah Kwee, dan Orang Kaya Temenggung menyatakan pendapat masing-masing, tuntutan wang tersebut tidak ada kaitan dengan negeri kerana Raja Abdullah ketika itu bukan Sultan negeri Perak. Dengan itu tuntutan tersebut boleh dibuat terhadap harta pribadi Sultan

- 
- 29 C.O. 273/92, Pesuruhjaya Awam Seychelles kepada Earl of Carnavon, 19 September 1877. Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, hlm. 222. C. Northcote Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, hlm. 305.
- 30 Sir Hugh Low, GCMG (1888), KCMG (1883), CMG (1879), lahir pada pada 1824 di Clapton, England. Beliau daripada keluarga minat pertanian, dan mendapat didikan sekolah swasta. Ketika berusia 19, beliau merantau ke Borneo, dan kemudiannya berkhidmat di bawah pentadbiran Raja James Brooke. Pada 1848, dilantik sebagai setiausaha, dan menjawat pelbagai jawatan di Labuan, termasuklah Pemangku Gabenor Labuan. Pada 1877, dilantik sebagai Residen British Perak, sehingga bersara pada 1889. Beliau meninggal dunia pada 1905. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1875*, hlm. 389.
- 31 Residen British menjelaskan dalam mesyuarat Majlis, Isnin, 10 September 1877, "... in the hope of receiving their advice and assistance, all important subjects concerning the welfare of of the State and its inhabitants which might present any peculiar difficulties, involve extensive modifications of existing laws or customs, or be considered of general interest". R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 158.
- 32 Anggota ini berdasarkan minit Majlis Negeri pada 1877 hingga 1882 dalam R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 159-266. Tidak semua ahli yang tersenarai itu hadir dalam mesyuarat.

Abdullah. Majlis memutuskan, persetujuan yang dimeterai itu tanpa hak kuasa negeri, dan dengan itu tidak ada kes untuk siasatan.<sup>33</sup>

Sementara itu dalam hal berkaitan tempoh pajakan tanah pertanian, Raja Idris berpendapat adalah lebih baik Perak berpandukan amalan tanah jajahan baginda raja. Jika amalan tersebut memperuntukkan tempoh pajakan selama 99 tahun untuk tanah pertanian, tempoh itu hendaklah juga diamalkan di Perak.<sup>34</sup> Raja Idris juga mengambil berat terhadap petani di Perak. Dalam hal ini Raja Idris berpendapat bukan sahaja wajar diarahkan petani mendirikan pagar tanaman masing-masing, tetapi langkah juga perlu diambil mengawal pergerakan bebas binatang ternakan.<sup>35</sup> Raja Idris menjelaskan terdapat masalah membina terusan, mengalirkan air sungai ke sawah. Dalam negeri Perak terdapat petani keturunan Jawa yang berkebolehan menjalankan kerja ini. Namun begitu Raja Idris mencadangkan kerajaan Perak mendahulukan separuh perbelanjaan pembinaan terusan, dan kemudiannya mengambil separuh hasilnya.<sup>36</sup>

Raja Idris juga mengambil perhatian terhadap mengelakkan amalan penyalahgunaan kuasa. Sehubungan itu Raja Idris menyatakan amalan membenarkan Ketua Penghulu Mukim melantik penolong penghulu cenderung kepada salah guna kuasa. Dengan itu Raja Idris mencadangkan amalan tersebut ditamatkan, dan pelantikan hendaklah oleh kerajaan.<sup>37</sup> Dalam hal cukai, Raja Idris mencadangkan kerajaan Perak melaksanakan cukai tanah atau cukai rumah.<sup>38</sup> Kemudiannya dalam perkara cukai kepala, Raja Idris menyatakan bagi mereka yang tidak membayar cukai tanah, jumlah \$3 setiap orang adalah munasabah. Namun begitu Raja Idris lebih cenderung menaikkan cukai tanah daripada mengenakan cukai kepala. Dalam hal ini penghulu boleh diberi tanggungjawab menguruskan perkara ini: mendaftar tanah, dan mengutip hasil tanah. Sehubungan itu penduduk hendaklah digalakkan berkerja, jumlah tertentu tanah hendaklah diberikan kepada setiap orang, dan mereka hendaklah bercucuk tanam; jika tidak dihukum denda. Majlis memutuskan bayaran cukai kepala \$2 setiap orang lelaki, Melayu, bumiputera, dan asing berumur 15 tahun ke atas. Sementara itu Majlis mengambil perhatian pandangan Raja Idris tentang kesukaran memungut hasil tanah, dan berpendapat tidak ada sebab sistem cadangan Raja Idris itu tidak dapat dilaksanakan masa hadapan.<sup>39</sup>

Raja Idris juga memainkan peranan dalam menamatkan perhambaan di Perak. Raja Idris, Dato' Raja Mahkota, dan Temenggung berpendapat adalah sukar seperti dirancang mengakhiri perhambaan di Perak pada 1883. Mereka mencadangkan dilanjutkan tempoh tersebut ke dua kali menuai padi. Namun begitu Regent pengerusi, dan ahli lain bersetuju 31 Disember 1883 sebagai tarikh akhir penghapusan perhambaan di Perak.<sup>40</sup> Raja Idris yang bersetuju dengan pembebasan hamba, dan mencerminkan menghormati kebebasan, serta hak asasi manusia, membebaskan semua hamba miliknya tanpa sebarang syarat dan ganti rugi.<sup>41</sup>

33 R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 165-166.

34 Minit Majlis 4 Mei 1879. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 196.

35 Minit Majlis 25 Februari 1880, R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 220.

36 *Ibid.*, hlm. 221.

37 Minit Majlis 24 Mac 1880, R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 226.

38 Minit Majlis 30 Disember 1880, R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 231.

39 Minit Majlis 22 Mei 1882, R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 248.

40 Minit Majlis 9 Oktober 1882, R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 251.

41 Minit Majlis 10 Oktober 1882, R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 253.

Raja Idris gigih mencurahkan khidmat terhadap Perak. Pada 1882, Raja Idris melakukan lawatan kerja bagi pihak kerajaan di daerah Kinta, Kampar, dan Hilir Perak. Dapatan lawatan tersebut, Raja Idris berkongsi dengan ahli Majlis dalam sidang pada 18 Oktober 1882. Raja Idris menjelaskan hasil percakapan dengan penduduk dan ketua, terdapat pelbagai kaedah mengumpul hasil daripada penduduk Melayu. Mereka bersedia mematuhi arahan kerajaan, sama ada cukai kepala, bayar cukai tanah, atau kerja percuma untuk jumlah hari yang ditetapkan dalam setahun. Raja Idris berpendapat jumlah enam hari berkerja percuma dalam setahun sudah mencukupi.<sup>42</sup> Selain itu Raja Idris juga mengambil berat terhadap soal kekeluargaan di Perak. Dalam hal ini, Raja Idris memaklumkan kepada anggota Majlis yang bersidang pada 26 Oktober 1882, dapatan daripada lawatannya, penduduk Kinta, Kampar, dan Sungai Raya mengadu banyak perkara tidak selesa mengenai halehwal kekeluargaan kerana tidak ada hakim berwibawa untuk mendengar kes kekeluargaan. Oleh sebab itu mereka terpaksa menggunakan wang membawa kes tersebut untuk diselesaikan di Hilir Perak. Sehubungan itu Raja Idris menyokong pelantikan pembantu kadi di Kinta, dan menubuhkan Mahkamah Daerah di setiap daerah yang jumlah besar penduduk Melayu.<sup>43</sup>

Pada 1883, Raja Idris berangkat ke Melaka, menghadiri mesyuarat penyelesaian sempadan di antara Melaka dengan Rembau. Kemudiannya pada 1884, Raja Idris bersama Residen Perak Sir Hugh Low, dan Raja Mansur, putera Sultan Abdullah (pejuang menentang British) berangkat ke London untuk membawa pulang alat kebesaran Perak yang dibawa ke England selepas Perang Perak 1876. Ketika berada di England, Raja Idris dianugerahkan Darjah Kebesaran C.M.G. (*Companion of the Most Distinguished Order of St. Michael of St. George*) oleh Raja Ingeris, Queen Victoria.<sup>44</sup>

Kira-kira sembilan tahun menyandang Pemangku Sultan, pada 1886, Raja Muda Yusof dipilih, dan dilantik sebagai Sultan Perak, dan memakai gelaran Sultan Yusof Sharifuddin Shah. Raja Bendahara Idris pula diangkat sebagai Raja Muda. Ketika memegang jawatan Raja Muda, Raja Idris terlibat dalam penyelesaian perselisihan aliran air lombong di Lembah Kinta. Raja Muda Idris berjaya menyelesaikan perselisihan ini. Dalam pada itu Raja Muda Idris dilantik mewakili Perak dalam rundingan penyelesaian sempadan di antara Perak dengan Kedah.<sup>45</sup> Pada 1887, kira-kira 10 bulan menduduki takhta kerajaan Perak, Sultan Yusof Sharifuddin Shah mangkat di Sayong, digelar Marhum Gharirullah. Dengan itu takhta kerajaan Perak digantikan oleh Raja Muda Idris, dan memakai gelaran Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah. Baginda bersemayam di Bukit Chandan, dan sekali gus menjadi Sultan Perak pertama bersemayam di kiri mudik Sungai Perak.

Pada 1888, bersama Raja Mansur dan Residen British Perak Sir Hugh Low, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah berangkat sekali lagi ke London, dan kali ini memenuhi undangan Queen Victoria, Ratu Ingeris.<sup>46</sup> Ketika berada di England, dengan usaha Raja Mansur, dan diperkenan Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah, tercipta sebuah lagu yang kemudiannya

---

42 Minit Majlis 18 Oktober 1882, R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 257.

43 Minit 26 Oktober 1882, R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 264.

44 Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020, hlm. 107. M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Perak*, edisi kedua, hlm. 87.

45 Buyong Adil, *Sejarah Perak*, 2020, hlm. 108.

46 Jawatankuasa Panel Penulis Khas, *Kenangan Pertabalan Raja Kita ke 34*, Taiping: Jawatankuasa 'Panel Penulis Khas' dengan Kerjasama Pejabat Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama, 1986, hlm. 22.

menjadi Lagu Kebangsaan Perak, dan kekal hingga hari ini. Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah kembali ke Perak pada 1889. Seterusnya pada 5 April 1889, diadakan upacara gilang gemilang istiadat pertabalan baginda sebagai Sultan Yang di-Pertuan dan Pemerintah Perak Darul Ridzuan.

Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah muncul sebagai seorang sultan berkaliber. Frank Swettenham memuji baginda, dan menyatakan baginda adalah seorang Raja Melayu paling berkebolehan. Selain itu Perak berkembang maju di bawah pemerintahan baginda. Perusahaan bijih timah berkembang, dan dikuti dengan penambahan penduduk. Pada 1891, penduduk Perak berjumlah 214 254 orang.<sup>47</sup> Pada 1892, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah dianugerah K.C.M.G. (*Knight Commander of the Most Distinguished Order of Saint Michael and St. George*) daripada Queen Victoria.<sup>48</sup>

Pada 1895, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah bersama Sultan Selangor (Sultan Abdul Samad, 1857-1898), Sultan Pahang (Sultan Ahmad Muadzam Shah, 1884-1914), dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (Tunku Muhammad Ibnu Yamtuan Tunku Antah, 1888-1933), memeterai perjanjian dengan kerajaan baginda raja bersetuju menubuhkan persekutuan. Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah, Raja Melayu pertama dikunjungi Frank Swettenham, dan menurunkan tandatangan. Kemudiannya diikuti Sultan Selangor, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Orang Besar: Dato’ Shahbandar Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Johol, Undang Rembau, dan Tunku Besar Tampin, serta Sultan Pahang.<sup>49</sup> Antara yang biasa dibangkitkan sebagai alasan pembentukan persekutuan ialah untuk menyelesaikan hutang yang dihadapi oleh negeri Pahang.<sup>50</sup>

Pada 1901, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah dianugerahkan oleh King George V darjah kebesaran G.C.M.G. (*Knight Grand Cross of the Most Distinguished of St. Michael and St. George*). Pada April 1902, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah berangkat ke Britain mewakili Negeri-negeri Melayu Bersekutu menghadiri upacara kemahkotaan King Edward VII dan Queen Alexandra.<sup>51</sup> Dalam perkembangan lain, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah memainkan peranan menubuhkan sekolah, antaranya khusus untuk golongan raja dan Orang Besar Perak. Pada 2 Januari 1905, sebuah sekolah, Malay Residential School, khusus untuk anak raja dan orang besar dirasmikan di pekan Kuala Kangsar. Pada awal 1906, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah merasmikan sekolah di Pekan Taiping, Central School, kini dikenali sebagai King Edward VII School. Kemudiannya pada 1 Mei 1909, sekolah Malay Residential School ditukar nama sebagai Babul D-Darjat, atau kini dikenali sebagai Kolej Melayu Kuala Kangsar (Malay College Kuala Kangsar).

Seterusnya pada 1911, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah, diiringi antaranya, isteri baginda, Tengku Permaisuri Uteh Mariah, dan Sir Raja Chulan, Raja di-Hilir Perak, putera

47 Buyong Adil, *Sejarah Perak*, 2020, hlm. 108-109.

48 M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Perak*, edisi kedua, hlm. 87.

49 Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910, The Southern and Central States*, volume I, Singapore: University of Malaya Press, 1969, hlm. 164-165. *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia – Old Treaties & Documents of Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2008, hlm. 43; 47. Lihat juga Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, hlm. 39-40.

50 Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Houndmills: The Macmillan Press, 1982, hlm. 183.

51 Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910, The Southern and Central States*, volume I, hlm. 177.

Sultan Abdullah (pejuang menentang British) berangkat ke England menghadiri upacara adat istiadat kemahkotaan King George sebagai Raja (King). Dalam perkembangan lain, pada 1913, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah merasmikan Maktab Perguruan Melayu Matang di Taiping. Seterusnya pada 1914, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah meletak batu asas pembinaan Masjid Ubudiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Masjid ini sempurna dibina selepas kemangkatan baginda, dan dirasmikan oleh pengganti baginda, Sultan Abdul Jalil Nasruddin Shah (1916-1918) pada 1917. Ketika perang dunia pertama dari 1914 hingga 1918, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah bersama Raja Melayu lain menderma kepada kerajaan British untuk membina sebuah kapal perang *H.M.S. Malaya*.

Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menduduki takhta kerajaan Perak selama 29 tahun, dan baginda mangkat pada 14 Januari 1916. Jenazah baginda disemadikan di Pemakaman Diraja Perak Bukit Chandan, Kuala Kangsar, dan dikenali sebagai Marhum Rahmatullah.

## Penubuhan Persekutuan dan Durbar

Persekutuan empat buah negeri Melayu dibentuk, berkuat kuasa dengan Perjanjian Persekutuan 1895, selepas campur tangan British terlibat dalam negeri Melayu. Pada 1895, empat Raja Melayu (Sultan Perak, Sultan Selangor, Sultan Pahang dan Yang d-Pertuan Besar Negeri Sembilan) menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Persekutuan 1895, bersetuju membentuk Persekutuan (*Federation*), sebagai Negeri-negeri Melayu Lindungan (*Protected Malay States*) ditadbirkan di bawah nasihat Kerajaan British,<sup>52</sup> yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB=*Federated Malay States*=FMS). Raja Melayu yang terlibat dalam perjanjian ini tidak merujuk antara satu sama lain sebelum menurunkan tandatangan dan cap ke atas Perjanjian Persekutuan.<sup>53</sup>

Sejarah awal pembentukan Persekutuan ini dapat ditelusuri sejak 1892. Cadangan persekutuan dicetuskan daripada perbincangan C.P. Lucas, pejabat tanah jajahan dengan Swettenham pada tahun 1892. Idea persekutuan diteruskan lagi oleh Swettenham pada tahun 1893, dan mencadangkan persekutuan ditadbirkan oleh Residen Jeneral. Pada tahun 1894 dengan persetujuan kerajaan British. Berikutnya pejabat tanah jajahan membenarkan pegawai British di negeri Melayu bertindak ke arah pembentukan persekutuan. Dalam arahan tersebut pegawai British terlibat di arahkan mendapatkan perkenan Raja Melayu, dan tidak mengganggu autoriti gabenor dalam pentadbiran negeri.<sup>54</sup> Seterusnya Gabenor C.B.H. Mitchell<sup>55</sup> melawat negeri Melayu berkaitan dan berbincang dengan Residen dari tahun 1894

---

52 Fasal 2 Perjanjian Persekutuan 1895, *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia – Old Treaties & Documents of Malaysia*, hlm. 46.

53 Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910, The Southern and Central States*, volume I, hlm. 164.

54 Yeo Kim Wah, *The Politics of Decentralization, Colonial Controversy in Malaya 1920-1929*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, hlm. 11.

55 C.B.H. Mitchell sebagai Gebenor Negeri-negeri Selat dari tahun 1894 hingga 1895. Pernah bertugas sebagai tentera laut diraja British, dan terlibat dalam Perang Crimea. Menghembuskan nafas terakhir di Singapura ketika berkhidmat. Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, 1980, hlm. 68, nota kaki 11.

hingga awal tahun 1895. Gabenor C.B.H. Mitchell mengesyorkan menghantar seorang pegawai British menghadap Raja Melayu, dan berunding dengan baginda.<sup>56</sup>

Dalam usaha pembentukan Persekutuan ini Frank Swettenham diberi tanggungjawab mendapatkan tandatangan dan cap persetujuan Raja Melayu, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang untuk membentuk Persekutuan. Pada Julai 1895, Swettenham berjaya mendapatkan tandatangan dan cap Raja Melayu. Ketika bertemu Raja Melayu bagi mendapatkan tandatangan dan cap itu, Swettenham memberi jaminan tidak akan mengurangkan kuasa dan otonomi negeri, dan lagi Residen Jeneral adalah terbaik sebagai pengimbang kepentingan NNMB jika terjadi perselisihan dengan otoriti Singapura.<sup>57</sup> Raja Melayu juga percaya dakwaan Swettenham, kuasa Residen Jeneral lebih kuat berbanding residen. Selain itu juga yakin kemuliaan dan kekayaan Raja Melayu lebih besar jika berada dalam persekutuan, berbanding sebagai pemerintah dalam negeri Melayu.<sup>58</sup>

Selanjutnya pada 1 Julai 1896, NNMB dengan rasmnya diisytiharkan, dan Swettenham dilantik sebagai Residen Jeneral yang pertama,<sup>59</sup> dan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran. Seterusnya bagi menguruskan pentadbiran NNMB, beberapa jawatan dibentuk, dan pelantikan baru dibuat. Antara jawatan dibentuk: Penasihat Undang-undang, T.H. Khershaw; Pesuruhjaya Kehakiman, L.C. Jackson; Komander Regimen *Malay States Guide*, Kolonel R.S.F. Walker; Pesuruhjaya Tanah dan Galian, H.C. Belfield, dan Setiausaha Halehwal Orang Cina, G.T. Hare.<sup>60</sup>

Perjanjian Persekutuan 1895 menyatakan bidang kuasa pegawai British dan Raja Melayu. Namun demikian perjanjian ini tidak memberi takrif kuasa Residen Jeneral, tetapi yang jelas Residen Jeneral lebih berkuasa berbanding Raja Melayu.<sup>61</sup> Bagi menjelaskan perkara ini, diturunkan fasal Perjanjian Persekutuan 1895 untuk dianalisis. Fasalnya seperti berikut:

1. Sebagai mengesahkan pelbagai Perjanjian terdahulu, maka Sultan Perak, Sultan Selangor, Sultan Pahang dan Pembesar-pembesar Negeri-negeri yang membentuk wilayah yang dikenali sebagai Negeri Sembilan, dengan ini secara berasingan meletakkan diri mereka dan Negeri mereka di bawah naungan Kerajaan British.
2. Raja-raja dan Pembesar-pembesar masing-masing bagi Negeri yang dinamakan di atas, dengan ini bersetuju membentuk negeri-negeri mereka dalam sebuah Persekutuan, dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Naungan, yang ditadbir di bawah nasihat Kerajaan British.
3. Maka hendaklah difahami bahawa Perkiraan yang dengan ini dipersetujui tidak bermaksud bahawa mana-mana seorang Raja atau Pembesar akan menjalankan apa-apa kuasa atau wibawa berkaitan dengan mana-mana Negeri selain yang kini dimilikinya di Negeri yang dia diiktiraf sebagai Raja atau Pembesar.

56 Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, hlm. 38.

57 Ibid., hlm. 12.

58 Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1979, hlm. 140.

59 Yeo Kim Wah, *The Politics of Decentralization, Colonial Controversy in Malaya 1920-1929*, hlm. 12.

60 Yeo Kim Wah, *The Politics of Decentralization, Colonial Controversy in Malaya 1920-1929*, hlm. 171. Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in direct and Indirect Rule*, hlm. 141.

61 Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 46.

4. Raja-raja yang dinamakan di atas bersetuju untuk menerima seorang Pegawai British, bergelar Residen Jeneral, sebagai ejen dan wakil Kerajaan British di bawah Gabenor Negeri-negeri Selat. Mereka mengaku janji menyediakan untuknya tempat penginapan yang sesuai, memberi gaji seperti mana yang ditentukan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, dan mengikuti nasihatnya dalam semua perkara pentadbiran selain menyentuh agama Islam. Pelantikan Residen Jeneral tidak akan menjejaskan kewajipan Raja-raja Melayu terhadap Residen British yang sedia ada atau yang dilantik selepas ini bagi menyandang jawatan di Negeri-negeri Naungan yang tersebut di atas.
5. Raja-raja yang dinamakan di atas juga bersetuju memberi kepada negeri dalam Persekutuan yang memerlukan apa-apa bantuan berupa tenaga manusia, wang atau lain-lainnya sebagaimana yang dinasihati oleh Kerajaan British, melalui pegawainya yang dilantik dengan sewajarnya; dan mereka selanjutnya mengaku janji bahawa sekiranya tercetus perang antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan mana-mana kuasa yang lain, mereka, atas permintaan Gabenor, akan menghantar sepasukan askar India yang lengkap bersenjata untuk berkhidmat di Negeri-negeri Selat.

Tiada apa-apa pun dalam Perjanjian ini yang bertujuan menyekat apa-apa kuasa atau wibawa yang dipegang oleh mana-mana Raja Negeri yang dinamakan di atas di Negeri masing-masing, dan ia juga tidak mengubah hubungan sedia ada antara mana-mana negeri yang dinamakan dengan Empayar British.<sup>62</sup>

Kerajaan British, melalui pejabat tanah jajahan London, menerusi setiausaha tanah jajahan, Joseph Chamberlain mengingatkan Gabenor Negeri-negeri Selat Sir Charles Mitchell supaya menjamin Raja Melayu bahawa kerajaan British mengukuhkan Raja Melayu melalui gabungan keseragaman dasar dan maklumat yang harmoni.<sup>63</sup> Memang tidak dinafikan, kerajaan British bersungguh-sungguh memberi jaminan, status, hak dan kemuliaan Raja Melayu akan dijaga. Perkara ini dicatatkan dalam perkara 5, perjanjian persekutuan, iaitu tidak ada sebarang matlamat dalam perjanjian tersebut "...bertujuan menyekat apa-apa kuasa atau wibawa..." yang dipegang Raja Melayu sebelum itu. Namun begitu pada fasal 4, sangat bercanggah, kerana di dalamnya dicatatkan Raja Melayu bersetuju menerima seorang pegawai British bergelar Residen Jeneral dan "...mengikuti nasihatnya dalam semua perkara pentadbiran selain menyentuh agama Islam." Selain itu kewajipan hubungan Raja Melayu dengan Residen British masing-masing negeri terus kekal. Dengan lain perkataan, jika sebelumnya Raja Melayu meminta dan mematuhi nasihat Residen British, kini Raja Melayu juga mengikuti nasihat Residen Jeneral. Dalam Persekutuan, Raja Melayu meminta atau diberi nasihat; kedua-duanya dipatuhi Raja Melayu. Dengan itu jelas, Raja Melayu tidak ada pilihan, sama ada meminta nasihat atau dinasihati, kedua-dua mesti dipatuhi. Timbul di sini,

---

61 Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 46.

62 *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia – Old Treaties & Documents of Malaysia*, hlm. 46-47. Versi bahasa Inggeris, buku sama, hlm. 168-169.

63 Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, hlm. 46.

siapa pemerintah dan siapa pula penasihat? Jika nasihat tersebut diminta atau tidak, nasihat Residen British dan Residen Jeneral tidak ada pilihan Raja Melayu, kecuali mematuhi. Oleh itu, jika tidak ada pilihan bermakna Raja Melayu terpaksa patuh, apabila terpaksa patuh bererti Raja Melayu tidak ada kedaulatan lagi. Apabila tidak ada kedaulatan, bermakna negeri Raja Melayu tersebut pada hakikatnya di bawah pentadbiran kerajaan British.

Sebelum ini dijelaskan, perjanjian persekutuan tidak memberi takrif bidang kuasa Residen Jeneral. Padahal fasal 4 perjanjian menyatakan, Residen Jeneral adalah wakil Kerajaan British, dan bertanggungjawab kepada Gabenor Negeri-negeri Selat. Selain itu dinyatakan juga, Residen Jeneral boleh menasihati Raja Melayu dalam semua perkara pentadbiran, kecuali menyentuh agama Islam dan adat Melayu. Sementara itu bidang kuasa Raja Melayu pula, bertanggungjawab terhadap agama Islam dan adat Melayu. Selain berkuasa dalam negeri masing-masing, Raja Melayu dikehendaki terus patuh kepada kewajipan hubungan baginda dengan Residen British, dan kini mematuhi nasihat Residen Jeneral.

Perjanjian Persekutuan 1895, antara lain lahir NNMB, sebagai negeri naungan British, dan Swettenham dilantik sebagai Residen Jeneral yang pertama.<sup>64</sup> Residen Jeneral adalah ketua eksekutif NNMB.<sup>65</sup> Seterusnya perkembangan jawatan dalam NNMB mengatasi kuasa negeri; manakala Residen Jeneral bertambah berkuasa, bertindak bebas mengatasi gabenor.<sup>66</sup> Perkembangan ini menandakan pengukuhan pentadbiran kolonial British.<sup>67</sup> Sementara itu kuasa pentadbiran pula berpusat di Kuala Lumpur.

Hasil daripada ketidakselesaian Raja Melayu, sebuah badan bernama Durbar ditubuhkan pada tahun 1896. Walaupun Durbar dibentuk pada tahun 1896, selepas pembentukan NNMB, tetapi sidang pertama hanya bermula pada tahun 1897. Kemudiannya diikuti pada 1903, 1927, 1930, 1931, 1932, 1933, 1934, 1935, 1937, dan 1939.<sup>68</sup> Namun begitu Sultan Idris hanya berkesempatan menghadiri, dan terlibat dalam dua sidang Durbar sahaja, 1897 dan 1903.

Durbar ini akan dianggotai Raja Melayu, dan diiringi oleh masing-masing Residen. Persediaan dibuat untuk mengadakan sidang pertama Durbar pada 15 September 1896 di Kuala Lumpur. Dalam rancangan tersebut, Sultan Abdul Samad, Sultan Selangor dijemput pada hari tersebut (15 September 1896), datang ke Kuala Lumpur menyambut gabenor dan raja Melayu, Sultan Perak, Sultan Pahang dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.<sup>69</sup> Juga cadangan program disediakan; persidangan akan berlangsung selama lima hari, termasuk lawatan, jamuan makan malam, tembakan bunga api, dan tari menari.<sup>70</sup> Namun begitu persidangan yang dirancang ini ditangguhkan pada tahun berikutnya. Penangguhan ini disebabkan Sultan Perak tidak dapat hadir kerana isteri baginda gering; Sultan Pahang

64 Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy*, Singapore: Oxford University Press, 1969, hlm. 104.

65 Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*, hlm. 168.

66 Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in direct and Indirect Rule*, hlm. 141.

67 Donna J. Amoroso, *Traditionalism and the Ascendancy of Malay Ruling Class in Colonial Malaya*: Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, Singapore: NUS Press Singapore, hlm. 50.

68 Selepas 1939 tidak berlangsung persidangan DURBAR, kerana Perang Dunia Kedua, dan Tentera Jepun menduduki dan mentadbir Tanah Melayu pada 1941 hingga 1945.

69 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK. Sel.) RESIDENCY 4376/1896, Tuan Besar Selangor (Residen British J.P. Rodger) kepada Ke bawah Duli di Jugra (Sultan Abdul Samad), 7.8.96 (deraf).

70 SUK. Sel. RESIDENCY 4421/96, Proposed Programme for Durbar To Commence 15<sup>th</sup> September, 1896.

pula kurang pasti sama ada hadir atau sebaliknya. Selain itu Residen British Perak, Pahang dan Negeri Sembilan sebulat suara menyatakan persetujuan kepada Residen Jeneral, Frank Swettenham untuk menangguhkan sidang Durbar ke satu hari akan datang. Residen Jeneral menyatakan kehadiran Sultan Perak dan Sultan Pahang amat penting untuk membolehkan sidang Durbar berlangsung.<sup>71</sup>

### **Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah dan Sidang Durbar 1897, 1903**

Sepanjang pemerintahan Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah hanya dua kali Durbar bersidang, 1897 dan 1903. Baginda hadir dalam kedua-dua mesyuarat Durbar ini. Mesyuarat Durbar ketiga berlangsung pada 1927, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah telah mangkat sebelum ini, pada 1916. Walaupun baginda hadir dua kali, tetapi sumbangan sangat menyerlah, dan sekali gus memperlihatkan keazaman baginda membangun negeri Melayu, dan bangsa Melayu cemerlang dan gemilang.

Pada 1897, 14, 15, 16 dan 17 Julai, Durbar pertama kali bersidang di Istana Negara, Kuala Kangsar, Perak. Pada sidang hari pertama, 14 Julai 1897, mereka yang hadir: Sir C.B.H. Mitchell, G.C.M.G., Gabenor dan Ketua Komander Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu; Sir F.A. Swettenham, K.C.M.G., Residen Jeneral, Negeri-negeri Melayu Bersekutu; PERAK, Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris Mersid-el Aazam Shah, K.C.M.G.; Residen British, W.H. Treacher, C.M.G.; Pemangku Setiausaha Kerajaan, R.G. Watson; Raja Musa bin Sultan Jafar, Orang Kaya Temenggung Hasan, Orang Kaya Menteri Wan Muhammad Isa, Orang Kaya-Kaya Wan Muhammad Saleh, Orang Kaya-Kaya Laksamana Inche Husin, Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Usuf, Datoh [Dato'] Seri Maharaja Lela Abu Bakar, Datoh Muda Abdul Wahab, Kapitan Chang Ah Kwi, Kapitan Chin Ah Yan, dan Mr. Leong Fi [Tauke Leong Ah Fee]; SELANGOR, Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samat [Samad] bin Almarhum Raja Abdullah, K.C.M.G.; Residen British J.P. Rodger; Raja Muda Suleimen [Suleiman] bin Raja Muda Musa, Raja Laut bin Sultan Muhammad, Raja Bot bin Raja Jumoa [Jumaat]; NEGERI [NEGERI] SEMBILAN, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Sri Menanti Tungku [Tuanku] Muhammad, C.M.G., bin Yam Tuan Antah, Residen British E.W. Birch, Tungku Muda Sri Menanti Raja Chik bin Yam Tuan Radin, Datoh Klana Petra Sungei [Sungai] Ujong Mahmor bin Inche Kasim, Datoh Bandar Sungei Ujong Ahmad bin Mohd Ali, Datoh Mendika Mentri Akhir Zaman Jelebu Saiyid Ali bin Saiyid Husin al-Japri, Datoh Setia Raja Rembau Seron bin Haji Basir, Datoh Baginda Tan Amas Johol Wan Omar bin Saiyid Husin, Saiyid Dewa bin Saiyid Abdul Hamid al-Kadari Tampin, Datoh Muda Linggi Muhammad Bastan bin Haji Madinah, Kapitan Li Chin Sam, dan Mr. Chin Woh; PAHANG, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Maatham Shah bin Ali, Residen British Hugh Clifford, Tengku Muda Ali bin Ahmad, Ungku Muda Che Wan Mansur bin Ali, Datoh Ungku Bendahara Sri Maharaja Che Ungku Ngah bin Ungku Tanjong, Tuan

---

71 Malaya High Commissioner Office (MHCO), R.G. 348/96, Regarding Postponement of Durbar till next year, 25.8.96, Residen Jeneral Frank Swettenham kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 25 Ogos 1895 (deraf). MHCO, H.C.O. (Despatch) 427/1896, Postponement of Durbar till Next Year. Reports 15 September 1896, C.B.H. Mitchell kepada Joseph Chamberlain, M.P., Pejabat Kolonial, 15 September 1896.

Mandak Sayid Ali al-Jofri, Imam Perang Indra Mahkota Halim bin Jaafar, Imam Perang Indra Stia Raja Che Samat. Tungku Besar Pahang Tungku Mansur bin Ahmad tidak hadir.<sup>72</sup>

Sidang Durbar pertama ini bermula dengan Sultan Selangor mempersilakan Pesuruhjaya Tinggi mempengerusikan majlis. Seterusnya titah Sultan Selangor, dibaca oleh Orang Kaya Sri Andika Raja Wan Muhammad Saleh. Dalam ucapan tersebut dinyatakan Raja Melayu bersidang mengikut syarat Perjanjian Persekutuan untuk membincangkan perkara berkaitan Persekutuan, dan menjemput Pesuruhjaya Tinggi merasmikan sidang Durbar. Seterusnya menyatakan berbetulan dengan 60 tahun pemerintahan Raja England, diucapkan semoga panjang umur, dan panjang pemerintahan baginda.<sup>73</sup> Seterusnya Sultan Perak bertitah mengalu-alukan keberangkatan Raja Melayu dan pegawai tinggi British dalam sidang Durbar yang berlangsung di Kuala Kangsar, Perak. Sultan Perak berharap pertemuan dan perbincangan nanti akan membuahkan kebaikan kepada Persekutuan. Sebelum menamatkan titah, Sultan Perak mempersilakan Pesuruhjaya Tinggi memberi ucapan. Ucapan Pesuruhjaya Tinggi ini diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Residen Jeneral. Dalam ucapannya, Pesuruhjaya Tinggi antara lain menyatakan:

1. Ke bawah Duli Yang di-Pertuan sekalian Raja-raja dan Orang Besar yang hadir di sini beta terlalu sukacita bertemu Ke bawah Duli Raja-raja serta Orang Besar negeri Melayu yang sudah masuk ke dalam Jemaah bernaung di bawah kerajaan Queen Yang Maha Mulia lagi Maha Besar kerana pada waktu ini Permaisuri Queen Yang Maha Mulia dan Maha Besar telah bersemayam 60 tahun di atas singgahsana tahta [takhta] kerajaannya.
2. Syahadan lagi beta harap sangat akan perhimpunan ini menjadi kebajikan besar di atas negeri yang telah masuk ke dalam Jemaah itu kerana kita boleh berkenalan dan boleh kita periksa di dalam hal ehwal negeri-negeri sahabat beta supaya boleh kita bersama-sama menolongkan segala perkara yang boleh menjadi kebajikan di atas negeri-negeri Melayu ini maka di dalam itu pun sahabat-sahabat beta sedia maklum akan beta semua yang menjunjung titah dari bawah hadrat Queen Yang Maha Mulia lagi Maha Besar selama ini sudah cuba dengan seboleh-bolehnya nasihat menetapkan keamanan dan kesentosaan di dalam negeri sahabat kita. Oleh ini beta memberi ketahui kepada ke bawah duli dan sekalian yang ada hadir di sini mesyuarat kita ini sudah buka.<sup>74</sup>

Selepas Pesuruhjaya Tinggi merasmikan Durbar, sidang berehat satu jam setengah, bersidang kembali pada pukul 11.30 pagi. Seterusnya Pesuruhjaya Tinggi meninggalkan sidang, dan mesyuarat dipengerusikan oleh Residen Jeneral. Perbincangan Durbar dimulai dengan pembentangan peraturan mesyuarat. Setelah berbincangan mengambil keputusan seperti berikut:

72 Kebanyakan nama dieja mengikut minit mesyuarat Durbar, 14 Julai 1897.

73 CO717/103/33338/1, Minute of the Session of Chief of the Federated Malay States held at Kuala Kangsar, Perak, on the 14<sup>th</sup>, 15<sup>th</sup>, 16<sup>th</sup> and 17<sup>th</sup> July, 1897. Taiping: Printed at the Perak Government Printing Office, 1897, hlm. 3. (Seterusnya diringkaskan sebagai CO717/103/33338/1, MSCFMS, 1897).

74 CO717/103/33338/1, MSCFMS, 1897, Translation by the Resident General of the address of His Excellency the High Commissioner at the opening of the meeting (Jawi).

1. *The Council shall hold periodical sessions, at such dates and in such places as may be fixed by the Resident-General, with the approval of the High Commissioner, it being understood that the meetings will be hold in Perak, Selangor, Pahang and Negri Sembilan, but that no two successive meetings be held in the same State.*
2. *The High Commissioner, if present, shall preside. In the event of his absence the Resident-General, or if he be absent, the Sultan of the State where the meeting is being held, shall preside.*
3. *Notice of each meeting, and the business to be transacted, will be sent to each member, and the Council shall meet daily during the session, at an hour which shall be named in the notice.*
4. *Any member of the Council wishing to bring forward a subject for discussion must give to Resident-General notice in writing, seven days before the meeting in question, but any subject may be discussed without such notice with the consent of the Council.*
5. *In any discussion not more than one member, to be named by the President, shall speak at the same time.*
6. *On any division being taken members shall give their vote, 'Aye' or 'No,' as the case may be, and such votes shall be duly recorded.<sup>75</sup>*

Walaupun timbul kebimbangan khususnya dalam kalangan pegawai British terhadap kemungkinan terjadi ketidakelesaian antara baginda raja, tetapi kebijaksanaan penganjur, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah Perak semua raja Melayu berada dalam kegembiraan.<sup>76</sup>

Keazaman dan hasrat Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah untuk membina sebuah kerajaan Melayu cemerlang dan gemilang terserlah daripada ucapan alu-aluan baginda pada upacara perasmian Durbar pada pagi Rabu 14 Julai 1897. Walaupun dalam ucapan itu Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menyanjung kerajaan baginda raja, tetapi hasrat suci baginda membina kerajaan Melayu cemerlang dan gemilang terpancar daripada kata-kata tersurat, dan tersirat. Sebagai tuan rumah penganjur Durbar Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah memberi ucapan bijak mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat: Raja Melayu, Gabenor, Residen General, Orang Besar Negeri, dan Residen British. Baginda menyatakan sangat berbesar hati ketika ucapan mengalu-alukan kedatangan di Perak, dan harapan ikhlas mesyuarat akan membuahkan faedah dan berguna kepada Persekutuan. Sementara itu dalam sanjungan kepada kerajaan baginda raja pula, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menyatakan selagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu berada di bawah lindungan kerajaan baginda Queen keamanan, kegembiraan, kekayaan, dan keselamatan terus dinikmati penduduk.<sup>77</sup>

Kemudiannya, apabila Residen General memaklumkan dalam sidang Durbar hari kedua, Khamis 15 Julai 1897, mengenai rancangan memajukan pembinaan jalan kereta api,

---

75 CO717/103/33338/1, MSCFMS, 1897, hlm. 5.

76 J.M. Gullick, *Malay Society in the late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*, Second Impression Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 59.

77 P/MR 1/1, MSCFMS, 1897, hlm. 3. "It is my sincere hope that the result of our deliberations may be of advantage to the Federation, and add still further to its beneficial effects, for I know of my own knowledge and experience, that so long as these States have been under the protection of Her Majesty the Queen, peace, happiness, prosperity and security have prevailed amongst the inhabitants".

dan jalan raya, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah menyatakan begitu teruja, dan wajar diambil tindakan. Namun begitu baginda, dan berpendapat ahli Majlis Melayu yang lain juga bersetuju menyerahkan perkara pembinaan jalan kereta api dan jalan raya ini kepada kerajaan. Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah menjelaskan negeri tidak mempunyai banyak pengalaman dalam perkara itu. Sehubungan pandangan Sultan Idris ‘Azam Shah ini, Residen General memaklumkan kepada ahli Majlis, perkara tersebut dibawa ke sidang Durbar untuk perbincangan, serta menyatakan dasar umum, dan bukan berhasrat Majlis membuat keputusan terakhir.<sup>78</sup>

Dalam sidang Durbar 1897, pada hari kedua, Khamis 15 Julai, Residen British Negeri Sembilan memaklumkan Majlis, Yang di-Pertuan Seri Menanti memohon persetujuan mengemukakan butiran zakat, kuasa kadi, menjatuhkan hukuman kesalahan tertentu di bawah undang-undang Islam yang tidak terdapat dalam Kanun Pidana (*Penal Code*), dan mengadakan undang-undang mewajibkan orang Islam menghadiri sembahyang Jumaat di masjid yang sepatutnya dibincangkan pada 17 Julai. Permohonan ini mendapat izin pengerusi Majlis.<sup>79</sup> Namun begitu soal zakat ini dibincangkan dalam majlis Durbar, hari ketiga, Jumaat 16 Julai 1897.

Dalam hal ini Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan memohon meluluskan undang-undang mewajibkan membayar zakat; dan sebahagian daripada bayaran zakat itu digunakan untuk tujuan agama.<sup>80</sup> Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah menyatakan pandangan selari dengan Raja Bot, Sri Maharaja Lela, Raja Musa dan Raja Muda Selangor, zakat hanya diperuntukan kepada mereka yang layak. Seterusnya menyatakan soal zakat lebih sesuai diserahkan kepada budi bicara masing-masing Raja negeri.<sup>81</sup>

Dalam pada itu dalam perbincangan mengenai penghulu, Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah menjelaskan susunan berkaitan penghulu adalah sangat memuaskan, dan tidak perlu melakukan sebarang perubahan.<sup>82</sup> Dalam pada itu Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah menyatakan sangat penting mengiktirafkan adat tempatan. Namun demikian adat tersebut berbeza tiap-tiap negeri. Dengan itu amat sukar untuk digabungkan semua adat itu dalam satu peraturan Persekutuan. Seterusnya baginda menekankan persoalan berkaitan agama Islam tidak perlu dibawa ke dalam mesyuarat Durbar, tetapi perkara ini hendaklah dipertimbangkan di peringkat Majlis tempatan.<sup>83</sup>

Sidang mesyuarat Durbar berakhir tengah hari Sabtu 17 Julai 1897. Pesuruhjaya Tinggi tiba pada 12.30 tengah hari, dan mengambil tempat. Seterusnya Residen General memaklumkan kepada Pesuruhjaya Tinggi mesyuarat tamat membincangkan pelbagai perkara dalam agenda, dan perkara tambahan, serta diambil perimbangan. Kemudiannya Pesuruhjaya Tinggi menyampaikan ucapan penutup. Dalam ucapan tersebut Pesuruhjaya Tinggi menyatakan rasa puas hati perjalanan mesyuarat yang melibatkan Sultan, Raja dan Orang Besar Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Seterusnya menyatakan empat Raja Melayu bersatu untuk kebaikan bersama, berkumpul bersama sebagai saudara, dan mengikat persahabatan

78 P/MR 1/1, MSCFMS, 1897, Hari Kedua, Khamis, 15 Julai 1897, hlm. 9.

79 CO717/103/33338/1, MSCFMS, 1897, hlm. 7.

80 CO717/103/33338/1, MSCFMS, 1897, hlm. 11.

81 P/MR 1/1, MSCFMS, 1897, hlm. 12.

82 P/MR 1/1, MSCFMS, 1897, hlm. 15.

83 P/MR 1/1, MSCFMS, 1897, hlm. 19.

antara empat negeri, serta mengukuhkan persekutuan yang telah wujud. Pesuruhjaya Tinggi berterima kasih kepada Raja Melayu di atas layanan mesra kepada beliau, dan berkerjasama menjayakan mesyuarat Durbar. Pesuruhjaya Tinggi juga berharap Raja Melayu selamat pulang ke negeri masing-masing, dan memerintah negeri berpandukan semangat perpaduan yang dibina, serta bersama meneruskan kejayaan Persekutuan.<sup>84</sup>

Selain itu Sultan Perak juga mengambil bahagian dalam perbincangan kadi dan kuasa. Baginda menyatakan sebelum pengenalan undang-undang hari ini, di Perak, kes rayuan mahkamah kadi dibawa kepada mahkamah ketua kadi. Jika masih tidak puas hati kes tersebut dirayu di hadapan Sultan yang dinasihati oleh penasihat agama. Sultan Perak ingin kembali kepada tatacara ini, tetapi baginda lebih berkenan, undang-undang memberi kuasa kepada sultan mewakilkan mahkamah rayuan mengandungi mufti, guru, dua orang pembesar, dan dibantu oleh hakim Eropah daerah berkaitan, dan dipengerusikan oleh sultan. Keputusan mahkamah disembah kepada Sultan bagi pengesahan. Seterusnya tempoh rayuan tidak melebihi 40 hari, dan keputusan adalah muktamad. Sultan Perak mempertimbangkan tiap-tiap sultan wajar melantik mufti atau guru untuk tujuan, dan menasihati Sultan bagi perkara berkaitan Hukum Syarak.

Dalam hal ini Residen Perak menarik perhatian ahli majlis, Perjanjian Pangkor mencatatkan segala hal berkaitan dengan agama Islam hendaklah diputuskan oleh Sultan dan penasihat beragama Islam. Di Perak, masih ketua kadi, namun dalam kes rayuan didengari oleh majistret kanan, dibantu oleh dua atau lebih penilai. Seterusnya Residen Perak bersetuju dengan pandangan ahli majlis berkaitan, dan bersedia membantu meminda undang-undang seperti dinyatakan oleh Sultan Perak.<sup>85</sup>

Pada 1899, Residen Jeneral Frank Swettenham cuba menyelesaikan soal kewangan yang melibatkan hutang Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan mengajukan cadangan menggabungkan hasil negeri kepada Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah. Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah tidak bersetuju dengan cadangan ini.<sup>86</sup>

Setelah enam tahun berlalu, Durbar tidak bersidang, pada 1903, mesyuarat Durbar kedua berlangsung di Kuala Lumpur. Mesyuarat berlangsung selama tiga hari: 20, 21, 22 dan 23 Julai 1903. Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah hadir, dan ini adalah mesyuarat baginda terakhir. Dalam mesyuarat Durbar kali kedua 1903 ini pandangan dan pendapat yang dikongsikan Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah dalam Durbar sangat bermakna, dan sekali gus mencerminkan keazaman baginda membangun sebuah kerajaan Melayu cemerlang dan gemilang. Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah mengambil aktif dan minat terpuji dalam semua aspek pembangunan dan kebajikan serta penduduk negeri Perak.<sup>87</sup>

Ahli Durbar yang hadir 20 Julai: Sir F.A. Swettenham, Gabenor dan Pegawai Pemerintah Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu,<sup>88</sup> W.H. Treacher, Residen Jeneral Negeri-negeri Melayu Bersekutu; PERAK, Duli Yang Maha

---

84 P/MR 1/1, MSCFMS, 1897, hlm. 20.

85 CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "23<sup>rd</sup> July 1903", hlm. 23.

86 Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Second Edition, hlm. 55.

87 Ibid., hlm. 59.

88 Dalam minit Durbar 1903, dicatatkan Sir F.A. Swettenham sebagai Gabenor dan Pegawai Pemerintah Negeri-negeri Selat, dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Mulia Sultan Idris Mersid-el Aazam Shah, Residen British J.P. Rodger, Yang Teramat Mulia Raja Muda Raja Musa, Yang Mulia Raja di-Hilir Raja Abdul Jalil, Orang Kaya Temenggung Wan Hasan, Orang Kaya Menteri Wan Muhammad Isa, Orang Kaya-Kaya Sri Andika Raja Wan Muhammad Saleh, Orang Kaya-Kaya Laksamana Hussein, tauke Leong Fi, tauke Hiah Swee Lee, tauke Chang Chung Thye Phin; SELANGOR, Duli Yang Maha Mulia Sultan Suleiman Shah, Residen British Conway Belfield, Setiausaha Residen J.R.O. Aldworth, Yang Teramat Mulia Raja Muda Raja Laut, Raja Haji Bot, Raja Hasan, Saiyid [Syed] Masahor, tauke Chau Sow Lin; NEGERI SEMBILAN, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Tungku [Tuanku] Muhammad, Residen British Walter Egerton, Dato' Klana Putera Sungai Ujong Mahmor, Dato' Sedia Raja Rembau Seron, Dato' Penghulu Johol Wan Omar, Dato' Penghulu Jelebu Syed Ali, Dato' Bandar Sungai Ujong Haji Ahmad, Tengku Muda Sri Menanti Raja Chik, Tengku Besar Tampin Tengku Dewa, Dato' Muda Linggi Muhammad Bastan, Kapitan Li Chin Sam, dan tauke Tam Yong; PAHANG, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Maatham Shah, Residen British D.G. Campbell, Tengku Muda Tengku Ali, Ungku Muda Che Wan Mansur, Dato' Ungku Bendahara Sri Maharaja Che Ungku Ngah, Dato' Maharaja Jelai, Imam Perang Indera Mahkota Haji Abdul Halim, Tuan Mandak Syed Ali aljofri, dan Imam Perang Indera Setia Raja Che Samat. Tidak hadir, PERAK, Setiausaha Residen A.R. Venning, Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Muhammad Usup, Datoh Muda Abdul Wahab; PAHANG, Tengku Besar Mahmud.

Setelah ahli mengambil tempat, Sultan Selangor memulakan ucapan mengalulakan kehadiran Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Raja Melayu dan pembesar. Baginda melahirkan kegembiraan dan bersyukur di atas berpanjangan keamanan dan keselamatan negeri Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor. Kemudiannya Pesuruhjaya Tinggi F.A. Swettenham berucap merasmikan Durbar dalam bahasa Melayu. Dalam ucapan tersebut, Pesuruhjaya Tinggi antara lain menyatakan sejak penubuhan Persekutuan berlaku perkembangan perdagangan dan jalan keretapi.<sup>89</sup> Di akhir ucapan, Pesuruhjaya Tinggi menyatakan kerajaan British tidak lupa dan tidak akan lupa jemputan Raja Melayu campur tangan untuk mengajar mereka bentuk pentadbiran yang baik. Seterusnya Pesuruhjaya Tinggi menyatakan pentadbiran Melayu bertambah baik, kedudukan Melayu maju setapak demi setapak, dari jalan denai ke jalan keretapi, telegraf, sekolah, hospital, dan diiringi pentadbiran saintifik. Sehubungan itu Pesuruhjaya tinggi berharap Durbar akan mencari jalan bagi menggalakkan Melayu mengambil peluang daripada perkembangan tersebut untuk Melayu dan Negeri. Seterusnya Pesuruhjaya Tinggi merasmikan Durbar. Sidang Durbar ditangguhkan pukul 12.15 tengah hari ke hari kedua, Selasa 21 Julai, pukul 10 pagi.<sup>90</sup>

Sidang Durbar diteruskan pada hari kedua, Selasa, 21 Julai 1903. Mereka yang hadir: Residen Jeneral, Negeri-negeri Melayu Bersekutu; PERAK, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Residen British, Raja Muda, Raja di-Hilir, Orang Kaya Temenggung, Orang Kaya Menteri, Orang Kaya-Kaya Sri Andika Raja, Orang Kaya-Kaya Laksamana, tauke Leong Fi,

89 B/SUK3/108/CO717/103/33338/1, *Minute of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, hlm. 3.

90 B/SUK3/108/CO717/103/33338/1, *Minute of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 4.

tauke Hiah Swee Lee, tauke Chung Thye Phin; SELANGOR, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Residen British, pemangku setiausaha Residen, Raja Muda, Raja Haji Bot, Raja Hasan, Saiyid Mashhor, G. Cumming, tauke Chan Sow Lin; NEGERI SEMBILAN, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar, Residen British, Dato' Klana Putra Sungai Ujong, Dato' Sedia Raja Rembau, Dato' Penghulu Johol, Dato' Penghulu Jelebu, Dato' Bandar Sungai Ujong, Tungku Muda Sri Menanti, Tungku Besar Tampin, Dato' Muda Linggi, Kapitan La Chin Sam, tauke Tam Yong; PAHANG, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, pemangku Residen British, Tengku Muda, Ungku Muda, Dato' Ungku Bendahara Sri Maharaja, Dato' Maharaja Jelai, Imam Perang Indra Mahkota, Tuan Mandak, Imam Perang Indra Setia Raja. Mereka yang tidak hadir: setiausaha Residen British Perak, Dato' Panglima Kinta, Dato' Muda (Perak), Tengku Besar Pahang.<sup>91</sup> Setelah berbincang, sidang ini ditangguhkan pada pukul 2 petang, Rabu 22 Julai.

Pada hari Rabu, 22 Julai, sidang Durbar bermula pada pukul 2.20 petang. Ahli Durbar yang hadir: Residen Jeneral, Negeri-negeri Melayu Bersekutu; PERAK, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Residen British, Raja Muda, Raja di-Hilir, Orang Kaya Temenggung, Orang Kaya Menteri, Orang Kaya-Kaya Sri Andika Raja, Orang Kaya-Kaya Laksamana, tauke Leong Fi, tauke Hiah Swee Lee, tauke Chung Thye Phin; SELANGOR, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Residen British, pemangku setiausaha Residen, Raja Muda, Raja Haji Bot, Raja Hasan, Saiyid Mashhor, G. Cumming, tauke Chan Sow Lin; NEGERI SEMBILAN, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar, Residen British, Dato' Klana Putra Sungai Ujong, Dato' Sedia Raja Rembau, Dato' Penghulu Johol, Dato' Penghulu Jelebu, Dato' Bandar Sungai Ujong, Tungku Muda Sri Menanti, Tungku Besar Tampin, Dato' Muda Linggi, Kapitan La Chin Sam, tauke Tam Yong; PAHANG, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, pemangku Residen British, Ungku Muda, Dato' Ungku Bendahara Sri Maharaja, Dato' Maharaja Jelai, Imam Perang Indra Mahkota, Imam Perang Indra Setia Raja. Mereka yang tidak hadir: setiausaha Residen British Perak, Dato' Panglima Kinta, Dato' Muda (Perak), Tengku Besar Pahang, Tengku Muda Pahang, Tuan Mandak (Pahang).<sup>92</sup> Sidang Durbar berlangsung hingga 4.15 petang; ditangguhkan pada pukul 10.30 pagi, Khamis 23 Julai.

Seterusnya pada Khamis, 23 Julai, ahli Durbar berkumpul pada pukul 10.15 pagi. Ahli Durbar yang hadir pada hari ini: Residen Jeneral, Negeri-negeri Melayu Bersekutu; PERAK, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Residen British, Raja Muda, Raja di-Hilir, Orang Kaya Temenggung, Orang Kaya Menteri, Orang Kaya-Kaya Sri Andika Raja, Orang Kaya-Kaya Laksamana, tauke Leong Fi, tauke Hiah Swee Lee, tauke Chung Thye Phin; SELANGOR, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Residen British, pemangku setiausaha Residen, Raja Muda, Raja Haji Bot, Raja Hasan, Saiyid Mashhor, G. Cumming, tauke Chan Sow Lin; NEGERI SEMBILAN, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar, Residen British, Dato' Klana Putra Sungai Ujong, Dato' Sedia Raja Rembau, Dato' Penghulu Johol, Dato' Penghulu Jelebu, Dato' Bandar Sungai Ujong, Tungku Muda Sri Menanti, Tungku Besar, Dato' Muda Linggi, Kapitan La Chin Sam, tauke Tam Yong; PAHANG, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, pemangku Residen British, Ungku Muda, Dato' Ungku Bendahara Sri Maharaja, Dato' Maharaja Jelai,

---

91 B/SUK3/108/CO717/103/33338/1, *Minute of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 5.

92 B/SUK3/108/CO717/103/33338/1, *Minute of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 14.

Imam Perang Indra Mahkota, Tuan Mandak, Imam Perang Indra Setia Raja. Mereka yang tidak hadir: setiausaha Residen British Perak, Dato' Panglima Kinta, Dato' Muda (Perak), Tengku Besar Pahang, Tengku Muda.<sup>93</sup> Ketika sidang berlangsung, pada pukul 11.20 pagi, Pesuruhjaya Tinggi hadir dalam mesyuarat Durbar, dan mengambil tempat duduk. Sultan Perak berucap mengalu-alukan kedatangan Pesuruhjaya Tinggi.<sup>94</sup> Seterusnya Pesuruhjaya Tinggi berucap, dan merasmikan penutupan sidang Durbar.

Dalam sidang Durbar kedua 1903 ini, yang bermula pada Isnin, 20 Julai 1903, jam 11.30 pagi dimulai dengan ucapan alu-aluan oleh Sultan Selangor, Sultan Ala'eddin Suleiman Shah. Kemudiannya diikuti ucapan perasmian pembukaan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu Sir F.A. Swettenham. Kemudiannya mesyuarat ini ditangguhkan pada 12.15 tengah hari ke jam 10.00 pagi, 21 Julai 1903. Seterusnya pada 21 Julai 1903, mesyuarat Durbar diteruskan pada 10.15 pagi. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Residen General Negeri-negeri Melayu Bersekutu W.H. Treacher.<sup>95</sup>

Residen General Pengerusi memulakan ucapan dengan menyatakan Bahasa Melayu sebagai perkara pertama perbincangan mesyuarat. Kemudiannya beliau menjelaskan Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah negeri Melayu, dan bahasanya adalah Melayu, tidak perlu diperincikan lagi. Perkhidmatan Awam kebanyakannya diuruskan oleh pegawai yang boleh bercakap bahasa Inggeris; majoriti pegawai awam pula berpengetahuan Bahasa Melayu, dan mudah bagi mereka berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Dalam pada itu bahagian besar golongan bisnes, pelombong, peladang dan saudagar adalah orang asing daripada berbagai negara, dan bahasa ibunda mereka bukan Melayu. Di samping itu sebahagian besar hubungan dan surat-menyurat dengan mereka yang tidak bercakap Melayu; dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu mempunyai hubungan rapat dengan Negeri-negeri Selat, tanah jajahan British yang mana bahasa rasminya adalah bahasa Inggeris. Juga dijelaskan lagi kepada ahli Durbar, semua peguam mahkamah adalah penutur bahasa Inggeris; dan tidak terkecuali Pesuruhjaya Kehakiman bertahun-tahun lantikan datang dari England atau negara jajahan British, dan bahasa ibunda mereka bukan Melayu.

Seterusnya Residen General menjelaskan, oleh kerana sebahagian besar perkhidmatan awam menggunakan bahasa Inggeris, penduduk berbagai, serta bukan berasal dari negeri Melayu (Malayan), dan kuasa pelindung adalah British, bahasa rasmi hendaklah kekal, iaitu bahasa Inggeris. Sementara itu Residen General memaklumkan lagi kepada ahli Durbar, kerajaan Perak sudah lama menerbitkan *Warta Perak*, peraturan, undang-undang, dan enakmen penting dalam tulisan jawi. Kemudiannya Residen Jeneral mengingatkan ahli Durbar dengan beberapa perkara berikut. Pertama, bangsa Melayu, seperti juga Inggeris, dan beberapa bangsa lain, pada ketika ini tidak memiliki bentuk huruf khas, kemungkinan mereka

93 B/SUK3/108/CO717/103/33338/1, *Minute of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur; Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 21.

94 B/SUK3/108/CO717/103/33338/1, *Minute of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur; Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 23.

95 W.H. Treacher dilahirkan pada 1849. Pada 1871, beliau brkhidmat dalam perkhidmatan Labuan. Pada 1881, W.H. Treacher dilantik sebagai Gabenor Borneo Utara. Pada 1888, beliau dilantik sebagai setiausaha kerajaan Perak. Seterusnya sebagai Residen Selangor pada 1892. Pada 1896, dilantik sebagai Residen British Perak menggantikan F.A. Swettenham, dan berikutnya sebagai Residen General Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 1902. W.H. Treacher bersara pada 1904. Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, hlm. 36, nota 132.

mengubahsuai huruf Arab, waktu orang Arab berpengaruh di dunia sebelah sini; kedua, huruf roman sudah diterima oleh seluruh benua Eropah, Amerika, dan bahagian Afrika bertamadun; ketiga, bahasa rasmi India British (British India) ialah Inggeris; keempat, orang perniagaan semua negara biasa dengan bahasa Inggeris; kelima, Inggeris adalah kuasa berpengaruh dalam bahagian dunia ini; keenam, huruf roman diajar semua atau hampir semua sekolah vernakular di Negeri-negeri Melayu Bersekutu; ketujuh, tidak ramai mengetahui huruf jawi, kecuali Melayu, sementara itu ramai antara penduduk boleh bercakap Melayu atau membaca jika tulisan tersebut dalam huruf roman; dan ramai generasi muda Melayu boleh membaca Melayu dalam huruf roman.<sup>96</sup>

Pandangan Residen General pengerusi menjelaskan bahawa beliau tidak memihak kepada bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Beliau berpendapat bahasa Inggeris kekal sebagai bahasa rasmi Negeri-negeri Melayu Bersekutu; Warta Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dicetak dalam bahasa Melayu huruf roman, mengandungi undang-undang utama yang diluluskan dari masa ke masa; atau semua maklumat berkaitan dengannya; dan undang-undang, peraturan serta notis penting kerajaan; perkara penting berkaitan mahkamah, atau berbagai bentuk: geran tanah, pajak, cabutan daripada pendaftar dicetak dalam bahasa Inggeris dan Melayu huruf roman. Ketika mengulas pandangan dan cadangan Yang di-Pertuan Besar ini mengenai penggunaan bahasa Melayu, Sultan Perak menyatakan semua borang undang-undang yang digunakan oleh Melayu, disediakan dalam dwibahasa.

Residen General pengerusi menjelaskan kepada ahli Durbar, bahasa Melayu tulisan jawi dan rumi diajar di Sekolah Melayu. Juga menyatakan, walaupun ramai pegawai Eropah boleh membaca bahasa Melayu tulisan jawi, tetapi bacaan dalam tulisan rumi lebih lancar. Sementara itu sebahagian besar saudagar dan peladang Eropah dan Cina tidak boleh membaca huruf jawi. Seterusnya Residen General pengerusi menyatakan, oleh kerana Melayu boleh membaca bahasa Melayu dalam jawi dan rumi; sementara orang lain tidak dapat membaca tulisan jawi, kedudukan ini memihak penggunaan huruf rumi dalam tulisan bahasa Melayu untuk dokumen rasmi. Seterusnya Residen General pengerusi merujuk bahasa rasmi dan dokumen rasmi menggunakan huruf jawi dan rumi, dan kedua-duanya diajar di sekolah Melayu, yang mana muridnya adalah semua beragama Islam untuk membaca kuran.<sup>97</sup>

Dalam sidang Durbar 1903 juga, Sultan Perak melahirkan kekeciwaan terhadap masalah Melayu dan perkhidmatan kerajaan. Baginda menyatakan Melayu yang bertanggungjawab terhadap kekurangan dalam perkhidmatan kerajaan kerana tidak mengambil peluang yang ditawarkan. Dalam hal ini, Sultan Perak menarik perhatian ahli Durbar, percubaan mewajibkan kehadiran sekolah dibuat kira-kira 15 tahun dahulu (1888), tetapi tidak berjaya kerana keinginan pendidikan perlahan berkembang. Keadaan sekarang berbeza; pembesar dan rakyat sedar kepentingan pendidikan, dan ramai bersemangat untuk memenuhi keperluan tawaran kerajaan dalam bidang berkaitan. Sehubungan itu Sultan Perak menyatakan

---

96 B/SUK3/108 - CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "21<sup>st</sup> July 1903", hlm. 6.

97 CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "21<sup>st</sup> July 1903", hlm. 8.

Nazir Sekolah hendaklah mendapatkan kerjasama pembesar pada masa hadapan, Melayu akan dipujuk mengambil peluang yang ditawarkan melalui pendidikan.<sup>98</sup> Baginda berharap, setiap jawatan sesuai hendaklah terlebih dahulu ditawarkan kepada Melayu. Apabila tidak ada calon layak, baharulah ditawarkan kepada orang lain.<sup>99</sup>

Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah mengambil berat terhadap pentadbiran dan kebajikan penghulu. Baginda menyatakan kerajaan perlu menyediakan balai penghulu untuk menguruskan pentadbiran. Di samping itu baginda juga mengesyorkan mendahului jumlah wang tertentu membina rumah kepada penghulu yang baru dilantik. Bantuan itu hendaklah tanpa faedah, dan rumah tersebut menjadi milik penghulu tersebut apabila pinjaman tersebut selesai.<sup>100</sup> Dalam pada itu Sultan Idris 'Azam Shah perihati terhadap masalah minuman keras dalam kalangan Melayu. Pada sidang Durbar hari kedua, Selasa 21 Julai 1903, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menyokong memberi kuasa kepada kadi, dan mahkamah kadi menyelesaikan kes minuman keras, serta kesalahan dilarang agama Islam. Namun begitu baginda menyedari tentang kesukaran persoalan kuasa dan mahkamah kadi ini. Dengan itu Sultan Idris 'Azam Shah menyatakan, terbaik perkara ini diselesaikan oleh masing-masing Majlis Negeri, termasuklah soal memberi kuasa kepada kadi mendenda kesalahan tertentu, serta jumlah denda terhadap penyelesaian tiap-tiap kes. Setelah membahas perkara ini, anggota Durbar sebulat suara menyokong melaksanakannya.<sup>101</sup>

Kemudiannya soal Melayu dibangkitkan dalam Durbar yang berlangsung pada hari ketiga, Rabu 22 Julai 1903. Kali ini Residen General pengerusi mengesyorkan mewajibkan tanaman kelapa dalam kalangan orang Melayu. Residen General pengerusi memaklumkan Durbar, pada tahun 1880 kerajaan Perak meluluskan peraturan mewajibkan penduduk menanam 25 pokok kelapa pada tahun pertama (1880), dan 25 pokok lagi pada tahun berikutnya, 1881.<sup>102</sup> Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah dan Yang di-Pertuan Besar mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Akhirnya setelah berbincang antara Raja Melayu dan Residen British empat buah negeri, Durbar mengakui perlantikan Inspektor Persekutuan Pokok Kelapa memberi kesan baik, dan meningkatkan tanaman kelapa, dan bersetuju mewajibkan tanaman kelapa. Dalam pada itu tanah yang tidak sesuai bagi tanaman kelapa, diusahakan tanaman lain. Namun begitu padi masih sebagai tanaman utama. Durbar juga berpendapat adalah baik ditambah kuasa penghulu bagi memastikan tanah kampung dibersihkan sekurang-

---

98 CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "21<sup>st</sup> July 1903", hlm. 10.

99 B/SUK3/108, Khamis 21 Julai 1903 - CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "21<sup>st</sup> July 1903", hlm. 10-11.

100 B/SUK3/108, Khamis 21 Julai 1903 - CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "21<sup>st</sup> July 1903", hlm. 12.

101 B/SUK3/108, Khamis 21 Julai 1903 - CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "21<sup>st</sup> July 1903", hlm. 13.

102 CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "22<sup>nd</sup> July 1903", hlm. 15.

kurangnya setahun sekali, dan pemilik diwajibkan mengusahakan tanah kosong.<sup>103</sup> Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menyokong langkah memajukan tanaman padi, tetapi tidak bersetuju mewajibkan tanaman padi melalui undang-undang di Perak kerana tanaman padi sudah berkembang di Perak.<sup>104</sup>

Seterusnya Durbar bersidang pada hari keempat, Khamis 23 Julai 1903. Dalam sidang ini Residen General Pengerusi memaklumkan dalam bahasa Melayu perkembangan pembinaan jalan kereta api menghubungi Pulau Pinang, melalui Negeri-negeri Melayu Bersekutu ke Johor, tamat di Singapura. Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menyatakan Raja Melayu bergantung kepada nasihat Residen masing-masing negeri, dan jalan kereta api amat penting untuk kebajikan negeri. Dengan itu Raja Melayu berkenan diuruskan sepenuhnya oleh Pesuruhjaya Tinggi kerana kereta api adalah perkara baru dalam kalangan Melayu.<sup>105</sup>

Kemudiannya soal kadi dan bidang kuasa dibincangkan dalam mesyuarat Durbar ini. Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menjelaskan, sebelum diperkenalkan undang-undang yang ada pada ketika itu, rayuan Mahkamah Kadi dibawa kepada Ketua Kadi. Jika sekiranya keputusan tersebut masih menimbulkan tidak puas hati; rayuan kes ini dibentangkan kepada Sultan yang dinasihat oleh penasihat agama. Namun begitu Sultan Perak pada ketika itu lebih cenderung diadakan satu undang-undang memberi kuasa kepada baginda menurunkan kuasa mendengar kes rayuan di mahkamah yang terdiri daripada Mufti atau Guru, dua Orang Besar, dan dibantu oleh Majistret berbangsa Eropah dalam daerah berkaitan. Kemudiannya keputusan ulang bicara ini disembahkan kepada Sultan untuk pengesahan. Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menyatakan lagi, tempoh masa rayuan dihadkan 40 hari, dan keputusan yang dibuat adalah mutamad. Baginda menimbangkan Raja tiap-tiap negeri mesti melantik Mufti atau Guru untuk tujuan ini, dan menasihat Sultan dalam perkara berkaitan undang-undang Islam. Sehubungan dengan ini Residen British Perak mengingatkan ahli Durbar, Perjanjian Pangkor 1874 memperuntukkan segala perkara berkaitan Undang-undang Islam mesti diputuskan Sultan dan penasihat agama baginda.<sup>106</sup>

Pada 11.20 pagi, Pesuruhjaya Tinggi memasuki Durbar, dan mengambil tempat duduk di meja. Kemudiannya Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah mewakili Raja Melayu berucap dalam Durbar ini. Baginda berucap dalam bahasa Melayu, dan sekali gus menggambarkan kearifan, serta keazaman membina negeri Melayu cemerlang dan gemilang. Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah berkongsi pengalaman dalam dan luar negara berkaitan negeri Perak dengan ahli Durbar. Kekacauan yang berlaku dalam negeri menyebabkan Sultan Perak memohon Gabenor Negeri-negeri Selat melantik Residen British menasihat dan membantu pentadbiran Perak. Dengan itu Perjanjian Pangkor termeterai. Namun begitu pelantikan

---

103 CO717/103/33338/1, Minutes of the Conference of the Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup>, & 23<sup>rd</sup> July, 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, "22<sup>nd</sup> July 1903", hlm. 16.

104 B/SUK 3/108 - CO717/103/33338/1, *Minutes of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor; on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, hlm. 20.

105 B/SUK 3/108/CO717/103/33338/1, *Minutes of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor; on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903, hlm. 22.

106 B/SUK 3/108/CO717/103/33338/1, *Minutes of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor; on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 23.

Residen British pertama mencetuskan kekacauan di Perak, dan perkara ini adalah lazim terhadap setiap perkara baru diperkenalkan. Walaupun demikian kesannya baik kepada penduduk, membuktikan keadilan dan kuasa kerajaan baginda Queen dalam menghukum yang bersalah, serta menghargai mereka yang baik.<sup>107</sup>

Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah meneruskan lagi ucapan, menyatakan Perak berkembang maju ketika Sir Hugh Low sebagai Residen British Perak. Jalan kereta api dibina Larut. Seterusnya menyatakan baginda pernah mejawat sebagai Ketua Hakim, melawat Mesir, Itali, Perancis, dan Great Britain. Lawatan ini memberi pengalaman, terutamanya mengenai keadilan dan keampunan ketika melawat Great Britain. Negeri Perak mendapat kebaikan di bawah lindungan British. Perak terus berkembang maju ketika F.A. Swettenham sebagai Residen British. Jalan raya dan jalan kereta api menghubungkan daerah Perak, serta merentasi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan diikuti kemunculan bandar baru. Misalnya di Lembah Kinta muncul bandar Ipoh yang pada suatu ketika dahulu pusat perniagaan Melayu di tebing Sungai Perak, dan mengambil masa, sukar, serta belanja mahal melalui hutan. Kini perhubungan itu boleh dengan mudah melalui kereta api.<sup>108</sup>

Namun begitu satu perkara yang amat menarik dibangkitkan oleh Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah dalam majlis Durbar 1903 ialah mengenai Persekutuan. Sekali gus bukan sahaja mencerminkan prihatin baginda tentang soal pentadbiran, tetapi juga kebaikan serta kebajikan negeri dan penduduk. Dalam hal ini, baginda dengan nada sindiran menyatakan kurang jelas memahami konsep Persekutuan yang selalu dihebahkan kewujudan kemesraan antara negeri, dan mesra membantu antara satu sama lain. Baginda menyatakan jika sekiranya empat negeri sebagai persekutuan, apakah sesuai dinyatakan satu negeri membantu negeri lain? kerana bantuan bermakna wujudnya lebih daripada satu negeri, dan seterusnya jika sebuah negeri, timbul pula persoalan tentang siapakah pemberi, dan siapakah pula penerima? Dalam hal ini Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah meneruskan pernyataan baginda, pepatah Melayu menyatakan tidak ada dua nakhoda dalam sebuah kapal; atau tidak boleh empat Raja memerintah sebuah negeri. Sementara itu dalam hujahan, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah menyatakan peruntukan syarat Perjanjian Pangkor 1874 Residen British, dan bukan Residen Jeneral sebagai penasihat baginda. Seterusnya baginda mengharapkan halehwal tiap-tiap negeri diurustadbir oleh pegawainya sendiri, dan kerajaan berasingan. Perkara ini dibangkitkan oleh Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah dalam bahasa Melayu. Ucapan baginda (terjemahan) adalah seperti berikut:

*These States are now known as the negri negri bersekutu (the united countries), but the matter of union (persekutuan) I do not quite clearly understand; but you are all aware that the States have become friendly, amicably assisting one another; if, however, the four States were amalgamated into one, would it be right to say that one State assisted the other; because assistance implies something more than one, and if there is only one, which is the helper and which is the helped? A*

107 B/SUK 3/108/CO717/103/33338/1, *Minutes of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 23.

108 B/SUK 3/108/CO717/103/33338/1, *Minutes of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 24.

*Malay proverb says that there cannot be two masters to one vessel; neither can there be four Rulers over one country.*

*It is my hope that the affairs of each State may be managed by its own officers, so that the Government may be separate entities.<sup>109</sup>*

Ucapan ini dapat diterjemahkan, dan menunjukkan Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah adalah seorang Raja Melayu yang berkebolehan dan berkaliber. Pernyataan baginda tentang kuasa Residen General, dan pemusatan kuasa di Kuala Lumpur menyebabkan Raja, pegawai negeri kehilangan kuasa, serta hak kuasa. Dalam hujahan tersebut, baginda mempersoalkan konsep Persekutuan yang digunakan dalam pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dengan gaya sindiran baginda dengan sengaja, dan itu adalah adat Melayu, memulakan pernyataan tidak begitu faham dengan konsep Persekutuan yang digunakan kerana antara empat negeri tersebut sepatutnya berada di bawah satu entiti, tetapi bantu membantu antara satu sama lain. Apabila bantu membantu bermakna wujud negeri lebih daripada sebuah, dan sekali gus timbul pula persoalan, negeri mana yang membantu, dan negeri mana yang menerima bantuan. Seterusnya dengan halus menyatakan, adalah menjadi harapan baginda halehwal pentadbiran negeri diuruskan oleh masing-masing pegawai negeri berkaitan, dan dengan itu negeri boleh berada dalam entiti berasingan. Cadangan Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah ini memperlihatkan Raja Melayu hilang keyakinan terhadap Persekutuan; berbeza dengan kehendak British merapatkan kesatuan.<sup>110</sup>

Sementara itu Pesuruhjaya Tinggi F.A. Swettenham dalam ucapan penutup Durbar menyatakan Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah memberi ucapan yang sangat baik. Di samping itu F.A. Swettenham memberi jaminan akan memanjangkan kata-kata Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah yang disifatkan mewakili perasaan Raja Melayu kepada Setiausaha Negara.<sup>111</sup>

## Kesimpulan

Kebolehan Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah berhujah, dan berkongsi pengetahuan dalam sidang Durbar 1897 dan 1903 adalah berakar umbi daripada pengalaman baginda. Sebelum dilantik sebagai waris kerajaan sebagai Raja Bendahara, Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah mengumpul pengalaman dan pengetahuan daripada penglibatan baginda bersama Sultan Abdullah, dan Orang Besar Perak dalam pakatan menentang British dan membunuh Residen British J.W.W. British. Pengalaman ini bukan sahaja memberi pengetahuan tentang selok belok berhubung dengan kuasa barat, tetapi juga dengan pegawai British. Pengetahuan baginda lebih menyerlah lagi ditimba daripada pengalaman sebagai ahli Majlis Mesyuarat

---

109 B/SUK 3/108/CO717/103/33338/1, *Minutes of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, "Supplements to the Selangor Government Gazette 1903", hlm. 24. Lihat juga Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Second Edition, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 52. Perkara ini boleh juga rujuk Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910, The Southern and Central States*, volume I, hlm. 185.

110 Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Second Edition, hlm. 53.

111 B/SUK 3/108/CO717/103/33338/1, *Minutes of the Conference of Chiefs of the Federated Malay States held at Kuala Lumpur, Selangor, on the 20<sup>th</sup>, 21<sup>st</sup>, 22<sup>nd</sup> & 23<sup>rd</sup> July, 1903*, hlm. 25.

sejak ditubuhkan pada 1877. Oleh sebab itu Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah muncul sebagai Raja Melayu yang paling hebat berbanding Raja Melayu lain Negeri-negeri Melayu Bersekutu berhujah dalam majlis Durbar 1897 dan 1903. Keistimewaan ini menyebabkan Sultan Idris Murshidul ‘Azam Shah adalah Raja Melayu disebut sebagai Raja Melayu paling berkaliber dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu ketika baginda bertakhta.

### **Singkatan**

CO	-	Colonial Office
ECPOAEH	-	Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Abridgment of Evidence Arranged under various Heads
TMMB	-	Trial of Maharaja Lela and Others for Murder of Mr. Birch
SUK. Sel.	-	Setiausaha Kerajaan Selangor